

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2025

FAKULTI PERGIGIAN  
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN  
PENGKOMERSILAN

---

**KETUA PTJ :**

MAS SURYALIS BINTI AHMAD

**KETUA UNIT KUALITI :**

ANNAPURNY A/P VENKITESWARAN

**PENYELARAS :**

ERNI BINTI NOOR

**PENULIS :**

1. NAJWA BINTI BAHARUDIN
2. ERNI BINTI NOOR
3. ERNI BINTI NOOR
4. FARA AZWIN BINTI ADAM
5. ROHAIDA BINTI ABDUL HALIM
6. ANNAPURNY A/P VENKITESWARAN
7. NURUL AIN BINTI RAMLAN

8. AFZAN ADILAH BT. AYOUB
9. MAS SURYALIS BINTI AHMAD
10. AZWIN ASSILAH BINTI KAMARUDDIN
11. MARTINA BINTI ABDUL JALIL
12. NAZURAH BINTI NIK EEZAMMUDDEEN
13. NIK MOHD MAZUAN BIN NIK MOHD ROSDY
14. NOOR NAZAHIAH BINTI BAKRI
15. NORASHIKIN BINTI SALLEH
16. SUHAIDAH BINTI KAMARUDDIN
17. SUZILA BINTI SUKRI
18. ZATUL-'IFFAH BINTI OMAR
19. ZURAINI BINTI DOLLAH
20. FARA FARIZA BINTI ZAHAR
21. SITI HAFIDAH BINTI ABDUL LATIFF
22. ZATILFARHIAH BINTI RASDI
23. NOORWAHIDA BINTI SHAHARUDDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Setelah 19 tahun beroperasi, Fakulti Pergigian (FPG) UiTM telah menunjukkan daya saing yang tinggi, setanding dengan institusi pergigian terkemuka di dalam dan luar negara. Kepimpinan fakulti yang diterajui oleh seorang Dekan berpengalaman serta disokong oleh empat Timbalan Dekan dan sembilan Ketua Pusat Pengajian telah berjaya melaksanakan pelbagai strategi untuk memperkukuh kecemerlangan fakulti khususnya dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

FPG menyokong penuh agenda Pelan Strategik UiTM 2025 dan Sustainable Development Goals (SDG) atau dalam bahasanya Matlamat Pembangunan Mampan, khususnya Inisiatif Ke-4: Pendidikan Berkualiti. Fokus diberikan kepada pemantapan tenaga akademik melalui pembangunan profesional dan latihan berterusan. Sebanyak 157 kursus dan bengkel telah dihadiri oleh kakitangan dalam tempoh setahun bagi memperkasakan pengetahuan, kemahiran dan budaya penyelidikan.

Di bawah naungan Pusat Pergigian UiTM (PPgUiTM), fakulti turut menjalankan aktiviti klinikal yang bukan sahaja menyokong pembelajaran pelajar tetapi juga menjadi platform pengumpulan data penyelidikan klinikal. Dengan lebih 90,000 pesakit direkrut dari sekitar Sungai Buloh dan kawasan lain, PPgUiTM memiliki potensi besar dalam menjana penyelidikan translasi dan kajian impak komuniti, yang juga membuka ruang kepada penghasilan penerbitan berkualiti tinggi serta pengkomersialan produk atau teknologi pergigian.

Fakulti turut melaksanakan mekanisme sistematik dan mampan dalam memastikan aktiviti penyelidikan dan penerbitan terus berkembang. Penambahbaikan berterusan dibuat berdasarkan maklum balas daripada pemegang taruh serta lawatan akademik luar yang membawa input bermakna kepada operasi dan hala tuju strategik. Siri mesyuarat dan perbincangan berkala turut dianjurkan bagi meneliti hasil kajian dan potensi kerjasama interdisiplin serta peluang komersial yang boleh diterokai.

Secara keseluruhan, FPG komited untuk terus memperkukuh ekosistem penyelidikan, memacu penerbitan berimpak tinggi dan menggalakkan pengkomersialan inovasi sebagai antara teras utama ke arah menjadikan UiTM sebagai 'Global Renowned University'.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pergigian UiTM (FPG) terus mengekalkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2024 hasil kepimpinan dinamik yang diterajui oleh Dekan, disokong oleh empat Timbalan Dekan dan sembilan Ketua Pusat Pengajian. Struktur pengurusan yang cekap dan sistematik ini telah menggerakkan seramai 122 staf akademik, 24 staf pentadbiran dan 85 staf sokongan klinikal untuk menyumbang secara aktif dalam bidang utama fakulti termasuk pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan klinikal dan inovasi.

Komitmen terhadap pembangunan penyelidikan dan penghasilan penerbitan berimpak tinggi diperkukuh melalui pendekatan kepimpinan strategik yang menekankan konsep Succession Planning. Melalui pendekatan ini, FPG telah melahirkan pemimpin pelapis yang bukan sahaja aktif dalam pentadbiran dalaman tetapi turut diberi ruang menyumbang kepakaran di peringkat nasional, termasuk dalam jawatankuasa Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi serta persatuan kepakaran pergigian.

Pembangunan profesional staf akademik dan bukan akademik pula dilaksanakan secara terancang melalui Pelan Strategik Pembangunan Staf FPG yang dirangka secara bottom-up dari unit hingga ke peringkat fakulti. Pelan ini selari dengan visi dan misi FPG untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam pendidikan, perkhidmatan dan penyelidikan kesihatan pergigian serta memperkasakan komuniti Bumiputera melalui penyelidikan berasaskan etika profesional dan inovasi.

Keutamaan juga diberi kepada kepakaran penyelidik dan pensyarah pelatih dari segi pelanjutan engajian. Langkah-langkah strategik ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan penerbitan berindeks dan geran penyelidikan tetapi juga membuka potensi luas untuk pengkomersialan hasil inovasi fakulti. Dengan penekanan kepada pembangunan bakat berkualiti dan pengukuhan ekosistem penyelidikan, FPG terus memacu ke arah menjadi peneraju dalam pendidikan dan inovasi pergigian di peringkat global

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_K01\\_KB02\\_20251\\_Senarai GeranFakulti Pergigian 2024.pdf](#)
2. [F0037\\_K01\\_KB02\\_20252\\_SENARAI MOU-MOA FAKULTI PERGIGIAN 2024.docx.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Perancangan Strategik dan Kepimpinan Progresif Fakulti Pergigian UiTM dalam Memacu Penyelidikan dan Inovasi**

Kepimpinan Fakulti Pergigian UiTM (FPG), yang diterajui oleh Dekan merangkap ahli Jawatankuasa Eksekutif Universiti, memainkan peranan penting dalam menterjemah agenda pembangunan universiti kepada pelaksanaan strategik di peringkat fakulti. Proses ini bukan sahaja melibatkan tadbir urus yang cekap dan saksama, tetapi juga memastikan penyelarasan yang rapi dalam menyokong kecemerlangan akademik, penyelidikan, dan pengkomersialan.

Pelan Strategik FPG 2023–2024 telah dibangunkan sejajar dengan visi dan misi UiTM serta Pelan Strategik UiTM 2025. Pelan ini dirangka bagi membolehkan FPG mendepani cabaran dalam bidang kesihatan pergigian dengan pendekatan sistematik yang merangkumi lima fasa utama: perancangan strategik, input, output, hasil, dan impak.

Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk:

1. Pemilihan barisan pengurusan fakulti yang berkaliber serta pengambilan staf akademik baharu yang berkualiti untuk memperkukuh penyelidikan dan pendidikan.
2. Pengurusan kewangan yang telus bagi menyokong program pembangunan staf dan peningkatan kapasiti penyelidikan.
3. Penganjuran program latihan, konferensi dan bengkel yang sejajar dengan pengembangan sumber manusia serta bidang penyelidikan dan penerbitan.
4. Peluang latihan dalam dan luar negara bagi memperluas kepakaran dan jaringan akademik.
5. Pelaksanaan Program Mentor-Mentee untuk membimbing pensyarah muda dalam pengajaran, penyelidikan dan penulisan ilmiah.
6. Galakan penyertaan staf dalam platform nasional dan antarabangsa yang dapat meningkatkan visibility FPG serta membuka peluang kerjasama penyelidikan dan inovasi.
7. Pengiktirafan pencapaian staf melalui media sosial dan saluran komunikasi rasmi fakulti, dikendalikan secara proaktif oleh Unit Komunikasi Korporat.

#### **Kejayaan dalam Penyelidikan dan Penerbitan**

FPG terus menyokong dan meraikan pencapaian akademik dan penyelidikan di pelbagai peringkat, termasuk projek pelajar yang diselia oleh staf akademik. Pihak pengurusan menggalakkan penglibatan aktif staf dalam media dan platform perundingan sebagai satu bentuk pemindahan ilmu dan promosi kepakaran fakulti.

Usaha ini bukan sahaja meningkatkan visibiliti FPG dan UiTM di mata dunia, malah turut menyumbang kepada penghasilan penerbitan berimpak tinggi, penjanaan geran penyelidikan dan peluang pengkomersialan hasil inovasi akademik.

Dengan kepimpinan yang progresif dan perancangan strategik yang mantap, FPG kekal komited untuk melahirkan lebih ramai penyelidik berkaliber serta mewujudkan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang lestari.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_K01\\_KB03\\_20251\\_ICAN RESOURCE TEAM.pdf](#)
2. [F0037\\_K01\\_KB03\\_20252\\_jiidentex24.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Pemantapan Akademik dan Penyelidikan melalui Mekanisme Sokongan Dalam Fakulti Pergigian UiTM**

Fakulti Pergigian UiTM terus melaksanakan pelbagai strategi sokongan dalaman yang sistematik dalam memastikan kualiti akademik, penyelidikan dan inovasi terus berkembang secara mampan. Tiga komponen utama yang menjadi teras pelaksanaan ialah: sistem Mentor-Mentee Pensyarah, pemantauan Unit Kualiti, dan sistem pemantauan pensyarah.

#### **1. Sistem Mentor-Mentee Pensyarah: Menyemai Budaya Penyelidikan dan Penerbitan**

Sistem Mentor-Mentee yang diperkenalkan oleh FPG berperanan sebagai salah satu strategi utama dalam membangunkan bakat akademik baharu. Melibatkan pensyarah muda (mentee) dan pensyarah senior (mentor), inisiatif ini menekankan aspek-aspek kritikal untuk kelestarian kecemerlangan fakulti, termasuk:

- **Penyelidikan dan Penerbitan:** Bimbingan dalam penulisan geran penyelidikan, penerbitan artikel berindeks, dan perancangan kerjasama penyelidikan.
- **Pemeriksaan Ilmu:** Fokus kepada pembangunan kepakaran mengikut bidang masing-masing, seterusnya membuka laluan kepada penghasilan inovasi yang boleh dikomersialkan.
- **Pentadbiran Akademik dan Penyelidikan:** Pendedahan awal kepada peranan kepimpinan dalam akademik dan pengurusan penyelidikan.
- **Pengajaran dan Pedagogi:** Perkongsian pengalaman dalam pendekatan pengajaran berkesan dan amalan pedagogi inovatif.

#### **2. Pemantauan Kualiti Fakulti: Ke Arah Peningkatan Berterusan**

Selaras dengan status **swaakreditasi UiTM**, Unit Kualiti Fakulti Pergigian menjalankan pemantauan berkala terhadap semua proses utama yang menyumbang kepada output penyelidikan dan pengajaran. Antara aspek yang diberi tumpuan adalah:

- **Operasi Akademik:** Pematuan terhadap dokumentasi kurikulum serta penambahbaikan berasaskan semakan berkala.
- **Operasi Penyelidikan:** Penilaian terhadap keberkesanan pelaksanaan aktiviti penyelidikan, penyertaan dalam geran dan kadar penerbitan.

Langkah ini secara langsung menyokong peningkatan kualiti dan integriti dalam hasil penyelidikan serta meletakkan asas kukuh untuk pemindahan teknologi dan pengkomersialan inovasi.

#### **3. Pemantauan Prestasi Pensyarah melalui PRO-PENS dan Mesyuarat Berstruktur**

Fakulti turut melaksanakan **Program Pemantauan Pensyarah (PRO-PENS)** sebagai satu kaedah kawalan kualiti dalam memastikan pensyarah sentiasa berada dalam prestasi optimum, terutama dari segi pengajaran dan keterlibatan dalam penyelidikan. Pemantauan ini dilengkapi dengan pelaksanaan mesyuarat pengurusan dalaman yang berfungsi sebagai platform semakan dan perbincangan strategik:

- **Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)**
- **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)**
- **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik (JAF)**

Mesyuarat-mesyuarat ini memainkan peranan penting dalam penyelarasan hala tuju fakulti serta penilaian berkala terhadap pencapaian dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan peluang pengkomersialan.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_Tentative v2\\_compressed.pdf.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

### **Pengurusan Risiko Strategik dan Pengukuhan Tatakelola FPG Pasca-Pandemik dalam Menyokong Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi**

Pihak kepimpinan tertinggi FPG memberi fokus khusus terhadap pengurusan risiko strategik, sebagai asas dalam menjamin kesinambungan aktiviti akademik, penyelidikan dan perkhidmatan klinikal.

Sejak 2017, Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah berperanan sebagai entiti penting dalam menyelaraskan, memantau dan menilai risiko berkaitan fakulti. Jawatankuasa ini telah memainkan peranan proaktif dalam:

- Menyediakan Daftar Risiko Fakulti termasuk risiko akademik, penyelidikan dan klinikal, sebagai rujukan kawalan.
- Memantau pelaksanaan tindakan kawalan secara berkala untuk mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan pengoperasian.
- Mengangkat isu-isu risiko impak tinggi ke Unit Pengurusan Risiko universiti untuk penilaian strategik lebih lanjut.
- Mewujudkan pelan tindakan pencegahan dan mengesyorkan aktiviti pembudayaan pengurusan risiko dalam kalangan staf dan pelajar.

Pendekatan pengurusan risiko ini amat relevan dalam menjamin kelangsungan penyelidikan berimpak tinggi serta memastikan fasiliti dan operasi penyelidikan berada dalam persekitaran selamat dan kondusif.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SOSCHO) turut diperkasa sejak 2019 bagi menangani isu keselamatan sewaktu dan selepas pandemik. Diketuai oleh pakar bedah maksilofasial bersama ahli akademik, staf pentadbiran dan klinikal, jawatankuasa ini melapor terus kepada Dekan dan bertindak pantas dalam menyampaikan maklumat melalui saluran komunikasi digital seperti Telegram dan WhatsApp. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong kelancaran perkhidmatan klinikal, tetapi juga memberikan jaminan keselamatan kepada para penyelidik dan pelajar pascasiswazah.

Bagi menambah baik tadbir urus dalaman dan sistem kawalan kualiti, FPG turut melaksanakan Bengkel Latihan Audit Dalaman ISO 9001:2015. Latihan ini membina keupayaan staf dalam pelaksanaan audit dalaman yang menyeluruh, meliputi aspek pentadbiran, akademik dan penyelidikan. Audit yang berterusan ini berperanan mengenal pasti potensi kelemahan, menilai kepatuhan dan menyokong strategi peningkatan berterusan dalam operasi fakulti — sekali gus memperkukuh asas ke arah peningkatan penerbitan, daya saing geran dan pengkomersialan inovasi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_Laporan Daftar Risiko eRMS 2023-2025.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

#### **Tadbir Urus Strategik dan Kepimpinan Responsif Fakulti Pergigian UiTM dalam Menyokong Agenda Penyelidikan dan Inovasi**

**Pelan Perancangan Strategik FPG** telah menyediakan asas kukuh kepada kepimpinan fakulti dalam menyesuaikan semula hala tuju dan strategi operasi mengikut keperluan semasa, khususnya dalam mengekalkan kelestarian penyelidikan dan inovasi.

**Pengurusan Eksekutif FPG**, yang dipengerusikan oleh Dekan, berperanan penting dalam melaksanakan dasar dan inisiatif strategik yang ditetapkan di peringkat universiti. **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)**, bersama pelbagai jawatankuasa yang dibentuk, memastikan setiap pelaksanaan termasuk dalam aspek penyelidikan, akademik dan pembangunan staf diselaraskan dengan baik dan dilaporkan kepada pihak berautoriti.

**Bahagian Hal Ehwal Akademik FPG** pula memainkan peranan utama dalam memastikan polisi pendidikan dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten, dengan sistem pemantauan pembangunan akademik yang mantap. Hal ini menjadi penting bagi memastikan kurikulum, penyelidikan dan pembangunan profesional staf akademik bergerak seiring dengan visi universiti untuk melahirkan penyelidik dan inovator bertaraf global.

FPG turut menekankan prinsip **penambahbaikan berterusan (continuous improvement)** sebagai elemen penting dalam budaya kerja. Kepimpinan fakulti sentiasa memantau prestasi dan cabaran secara berkala melalui pelbagai platform, termasuk taklimat Dekan, pertemuan fizikal dan maya, serta hebahan melalui saluran digital seperti Telegram. Strategi komunikasi dalaman ini memastikan maklumat berkaitan geran penyelidikan, peluang penerbitan, dan inisiatif pengkomersialan dapat disampaikan secara pantas dan menyeluruh kepada semua warga fakulti.

Komitmen terhadap ketelusan dan keberkesanan penyampaian maklumat ini telah meningkatkan kecekapan pengurusan, seterusnya memperkukuh ekosistem penyelidikan fakulti. Pemantauan prestasi staf turut dikaitkan dengan pencapaian penulisan ilmiah dan penglibatan dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi — satu pendekatan berimpak tinggi dalam membina budaya penyelidikan menyeluruh yang menyumbang kepada reputasi akademik dan pengkomersialan FPG.

Walaupun mengurus bilangan staf akademik, pentadbiran dan klinikal dalam skala besar merupakan cabaran, pelaksanaan pelan penambahbaikan berstruktur telah membolehkan FPG terus bergerak secara progresif. Kecekapan tadbir urus ini adalah tunjang utama kepada penghasilan penyelidikan yang mampan, penerbitan berimpak tinggi, dan pembangunan produk atau teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_Pi Achievement Report UiTM 2025 FY2024 - 12 SIGNED afa.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan pencapaian pelan strategik dan objektif kecemerlangan Fakulti Pergigian (FPG), pelbagai inisiatif integrasi telah dilaksanakan dengan penekanan khusus terhadap pengukuhan budaya akademik, peningkatan penyelidikan, serta perluasan impak ke arah penerbitan dan potensi pengkomersialan. Fokus integrasi ini turut merangkumi keterlibatan aktif pensyarah dalam badan profesional dan pemantapan profesionalisme tenaga akademik.

### 1.5.1 Pemantapan Kecemerlangan Akademia

FPG menggalakkan penyertaan pensyarah dalam aktiviti akademik di luar institusi sebagai langkah membudayakan pendekatan pelbagai arah (**multi-directional approach**). Penyertaan aktif ini membolehkan pensyarah membina kepakaran silang bidang serta memperkukuh jaringan akademik dan profesional yang relevan bagi menyokong kolaborasi penyelidikan dan peluang penerbitan.

Sebilangan besar pensyarah kini memegang jawatan strategik dalam pelbagai organisasi profesional serta unit/pejabat di dalam dan luar universiti, yang seterusnya membuka ruang kepada pelbagai kerjasama strategik termasuk dalam bidang penyelidikan, penulisan akademik, dan peluang pengkomersialan hasil penyelidikan.

*(Rujuk Jadual 1.5.1a)*

### 1.5.2 Pengukuhan Profesionalisme Tenaga Akademik

Pelaksanaan sistem Mentor-Mentee antara pensyarah senior dan junior telah menunjukkan kesan positif dalam membentuk barisan tenaga pengajar yang kompeten, profesional dan berdaya saing. Melalui bimbingan berstruktur ini, pensyarah baharu lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam penyelidikan berimpak tinggi, penulisan ilmiah, dan pengajaran berkualiti tinggi yang berfokus kepada bidang kepakaran masing-masing.

Antara komponen utama yang diberi keutamaan termasuk:

- Pengembangan kepakaran klinikal dalam bidang teras
- Keterlibatan dalam projek penyelidikan dan permohonan geran
- Penerbitan dalam jurnal berindeks dan penulisan buku ilmiah

*(Rujuk Rajah 1.5.1a)*

### 1.5.3 Peluasan Teknologi Internet of Things (IoT)

Sebagai sebahagian daripada usaha mendigitalkan sistem pengurusan dan memperkukuh keberkesanan operasi akademik serta klinikal, pelbagai sistem berasaskan **Internet of Things (IoT)** telah diperluas. Inisiatif ini juga menyokong kelancaran aktiviti penyelidikan serta pengumpulan data yang lebih sistematik bagi tujuan penerbitan dan komersial.

Antara sistem yang telah diperkenalkan dan ditambah baik termasuk:

- **QR Code** untuk kelulusan aktiviti pelajar secara mudah alih
- **Sistem Kedatangan Pelajar Klinikal** melalui platform web dan integrasi dengan sistem iDeRMS
- **Laporan Kemajuan Klinikal Pelajar secara masa nyata ('live')** menggunakan peranti mudah alih
- **Sistem Satelit** yang membolehkan integrasi maklumat antara pensyarah, pelajar, dan pesakit bagi menyokong proses pengajaran dan penyelidikan secara bersepadu

*(Rujuk Rajah 1.5.1b)*

## **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_K01\\_KB05\\_20251\\_Tentative v2\\_compressed.pdf.pdf](#)

2. [F0037\\_K01\\_KB05\\_20252\\_SENARAI LATIHAN KOMPETENSI - STAFMAKMALSTAF DGN JANAAN.pdf](#)

3. [F0037\\_K01\\_KB05\\_20253\\_SENARAI LATIHAN KOMPETENSI - STAFMAKMALSTAF.xlsx - Google Sheets.pdf](#)

4.

5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Strategik Fakulti Pergigian (FPG) disusun dengan teliti dan berpaksikan aspirasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menjadi universiti bertaraf dunia. Inisiatif ini menumpukan kepada pembangunan tenaga kerja yang **holistik, inovatif, dan berdaya saing** pada peringkat global, selaras dengan matlamat UiTM untuk melahirkan staf, pelajar, dan aset universiti yang berkualiti, berkemahiran tinggi, serta mampu bersaing di persada antarabangsa.

Perancangan strategik FPG 2025 diadaptasikan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, KPT) 2015–2025 serta UiTM GRU2025, dengan sasaran utama mencapai segala Indikator Prestasi Utama (KPI) dan Indikator Prestasi (PI) yang telah ditetapkan universiti. Tiga teras strategik utama menjadi tunjang kepada pelan ini, iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berorientasikan nilai. Ini sejajar dengan agenda pendidikan tinggi negara dan penilaian prestasi kementerian yang ditekankan melalui Indikator Petunjuk Prestasi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pelaksanaan strategi FPG di kemudi oleh pasukan kepimpinan kanan fakulti, yang digandingkan di bawah satu ekosistem pengurusan dan pemantauan yang mantap. Sebuah pasukan pemantau di bawah kendalian Penyelaras Unit Perancangan Strategik (PSTU) FPG ditubuhkan bagi mengawasi serta menilai kemajuan pelaksanaan inisiatif secara sistematik. Sistem UePMO digunakan sepenuhnya untuk memastikan pemantauan projek-projek strategik berlangsung secara menyeluruh dan telus, manakala setiap unit pula bertanggungjawab melaksanakan pemantauan secara terperinci berdasarkan model FPG sendiri.

Untuk memastikan inisiatif strategik dapat dijalankan secara berkesan, pelaksanaan dibahagikan kepada lima kluster utama, selari dengan struktur jabatan pengurusan fakulti:

1. Pentadbiran: Memperkuat tadbir urus dan kepimpinan;
2. Akademik: Memacu kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran;
3. Hal Ehwal Pelajar: Melahirkan graduan yang seimbang dan kompetitif;
4. Klinikal: Menjamin pengurusan klinikal serta khidmat pesakit yang cekap;
5. Penyelidikan, Jalinan Industri, Alumni & Keusahawanan: Menyokong kecemerlangan dalam penyelidikan, inovasi, jaringan industri, penglibatan alumni, serta keusahawanan.

Kesemua kluster ini menggabung-jalin pengurusan serta pembangunan staf akademik, pentadbiran, dan sokongan secara holistik serta inklusif. Jawatankuasa Perancangan Strategik FPG dan PSTU memantau pelaksanaan melalui bengkel strategik, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Transformasi pelaksanaan secara digital menggunakan platform seperti Google Meet, Webex, Zoom, Telegram, dan WhatsApp mempertingkatkan komunikasi tiga hala antara pengurusan, staf, pelajar, dan pesakit, serta mempercepat sebaran maklumat dan pengumpulan input.

Setiap inisiatif strategik dinilai secara berterusan mengikut prinsip PDCA (Plan, Do, Check & Act) di mana PSTU diberi akses penuh kepada sistem UePMO untuk pelaporan prestasi yang kemudiannya dibentang dalam MPE dan MKSP. Analisis pencapaian dan laporan prestasi

diedarkan ke seluruh FPG dan peringkat universiti untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan. Risiko inisiatif pula dikenal pasti, direkodkan serta dipantau menggunakan pakai templat SAP dalam UiSMS, membolehkan tindakan mitigasi diambil lebih awal jika diperlukan.

Kaedah pengumpulan input dan semakan penambahbaikan melibatkan semua peringkat warga FPG, memperkukuh budaya penambahbaikan berterusan serta meningkatkan responsif kepada keperluan semasa. Analisis SWOT dan bengkel pemurnian turut digunakan untuk memastikan inisiatif yang dilaksanakan tetap relevan, bertenaga, dan memberi impak maksimum dalam menyokong kecemerlangan FPG sekali gus memenuhi aspirasi UiTM ke arah pengiktirafan global selaras dengan pelan strategik UITM (GRU 2025).

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelan Perancangan Strategik Fakulti Pergigian (FPG) 2025 dirangka berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, KPT) 2015-2025 dan UiTM GRU2025, memastikan kesinambungan hala tuju nasional dan universiti dalam mencapai transformasi pendidikan tinggi bertaraf dunia. Pelan ini merangkumi lima kluster strategik, iaitu: **tadbir urus dan kepimpinan mampan oleh Bahagian Pentadbiran; kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran oleh Hal Ehwal Akademik; graduan holistik dan seimbang oleh Hal Ehwal Pelajar; pengurusan klinikal serta pesakit yang berkesan oleh Bahagian Klinikal; serta kecemerlangan dalam penyelidikan, inovasi, jaringan industri, kerjasama alumni dan keusahawanan oleh Bahagian Penyelidikan, Jalinan Industri, Alumni dan Keusahawanan** Struktur ini selari dengan jabatan pengurusan tertinggi FPG serta memastikan setiap objektif utama dapat dicapai secara menyeluruh.

Pendekatan strategik FPG bersifat **integratif dan sistematik**, menepati kehendak Indikator Prestasi Utama (KPI) dan Penunjuk Prestasi (PI) UiTM. Pengurusan dan pemantauan inisiatif dipacu oleh Penyelaras Unit Perancangan Strategik (PSTU), disokong Jawatankuasa Perancangan Strategik FPG, pengurusan tertinggi fakulti, pemilik projek, ketua projek pelaksana (KPP), dan koordinator yang relevan untuk penunjuk prestasi yang disasarkan. Pelaksanaan dan penilaian inisiatif dilakukan melalui pelbagai bengkel strategik, perancangan teliti serta penjadualan aktiviti (SAP – Strategic Action Plan), yang kesemuanya berpaksikan kepada KPI dan PI sebagai penanda aras kejayaan. Setiap langkah yang diambil dalam pelan ini dihubungkan secara jelas dengan matlamat organisasi, memastikan keselarasan, konsistensi serta pemaksimuman impak terhadap sasaran yang telah ditetapkan.

Setiap projek atau inisiatif yang dirangka mempunyai justifikasi jelas, dengan penetapan tugas, pembahagian sumber, penjadualan, serta pemantauan berkala secara komprehensif untuk memastikan pelaksanaan bergerak seiring dengan visi dan misi organisasi. Pemantauan berkala ini melibatkan pelaporan berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), serta kemaskini maklumat dalam sistem UePMO, UiSMS dan platform pengurusan data dalaman FPG. Kaedah pelaksanaan ini bukan sekadar meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, malah membolehkan pengesanan awal risiko, penentuan tindakan mitigasi serta penambahbaikan berterusan secara berfokus. Bukti seperti di **Lampiran 1**.

Pemilihan dan keutamaan inisiatif/SAP didasari keberkesanan dan impaknya terhadap pencapaian KPI dan PI, bagi mengelak pembaziran sumber serta memaksimumkan hasil (Bukti di **Lampiran 2**). Ini sekali gus memperkukuh pencapaian matlamat strategik universiti dan fakulti secara keseluruhan. Pengukuhan budaya penambahbaikan berterusan dicapai melalui penglibatan menyeluruh pelbagai peringkat – dari pengurusan tertinggi, penyelaras, hingga staf akademik dan pentadbiran – membolehkan input diunjurkan secara efektif dalam perancangan dan pelaksanaan. Pemantauan dari segi "gentle-reminder" akan dihantar setiap bulan, bagi memastikan pelaporan berkala kepada koordinator, seperti di **Lampiran 3**.

Secara keseluruhan, Pelan Strategik FPG 2025 memperlihatkan satu kerangka pengurusan yang lebih jelas dan jitu, berorientasikan hasil dan responsif terhadap cabaran pendidikan tinggi semasa, seterusnya mengukuhkan keupayaan FPG untuk menyumbang secara signifikan ke arah kecemerlangan UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_P01\\_PB02\\_20251\\_2.2 Lampiran 1. List of KPI\\_PI - UiSMS.pdf](#)
2. [F0037\\_P01\\_PB02\\_20252\\_2.2 Lampiran 2. Lima Projek SAP Fakulti Pergigian Buat tahun 2025.pdf](#)
3. [F0037\\_P01\\_PB02\\_20253\\_2.3 Bukti 3. Bukti Komunikasi di platform Whatsapp.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Halatuju Pelan Strategik FPG disebar luas secara komprehensif kepada seluruh warga FPG melalui pendekatan berstruktur dan berintegrasi, memastikan kefahaman yang menyeluruh serta penglibatan aktif semua pihak. Beberapa strategi dan penambahbaikan yang diterapkan termasuk:

### Amanat Dekan dan Pengurusan Kanan

Sesi amanat berkala oleh Dekan, barisan Pengurusan Kanan serta PSTU diadakan secara fizikal dan atas talian khusus untuk menyampaikan info strategik, pencerahan KPI serta PI, serta perkembangan halatuju fakulti. Amanat turut disampaikan menggunakan bahasa yang jelas, disesuaikan mengikut target audiens, dan disokong dengan sesi soal jawab yang menggalakkan percambahan idea serta maklum balas segera daripada pensyarah dan staf sokongan. Ini menambah baik kefahaman serta komitmen semua pihak dalam merealisasikan objektif utama fakulti dan UiTM (**Lampiran 4**).

### Sesi Townhall PSTU secara hibrid

Sesi townhall kini dilaksanakan secara hibrid, iaitu bersemuka dan atas talian bagi merangkumi kumpulan sasaran yang lebih luas dan meningkatkan kecekapan komunikasi antara pihak pengurusan dan warga fakulti. Selain melibatkan kepimpinan tertinggi dan eksekutif, sesi townhall ini turut mengundang penglibatan wakil pelajar serta staf daripada pelbagai jabatan, melalui sesi khas yang disesuaikan mengikut keperluan jabatan masing-masing. Pendekatan ini memberi penekanan kepada kerjasama strategik antara semua pihak, disertai dengan pemantauan susulan secara berkala untuk mempercepat pelaksanaan tindakan serta memastikan pencapaian KPI yang ditetapkan oleh PSTU, selari dengan agenda dan matlamat UiTM (**Lampiran 5**).

### Saluran digital dan kolaboratif

E-mel rasmi terus digunakan sebagai saluran utama, namun diperkukuh dengan penggunaan aplikasi komunikasi (seperti Telegram/WhatsApp rasmi), dan paparan visual interaktif (video, infografik, e-buletin) (**Lampiran 6**). Maklumat berkala merangkumi notifikasi aktiviti, rakaman taklimat, slaid, penghargaan, dan poster kejayaan, di samping input penambahbaikan dari audit dalaman Unit Kualiti. Platform digital membolehkan capaian maklumat yang pantas, telus serta mudah dirujuk pada bila-bila masa.

### Pembentangan berkala dan penilaian kemajuan

Pencapaian pelan strategik dibentangi secara konsisten di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE, setiap bulan) dan Mesyuarat Kajian Strategik dan Pembangunan (MKSP, setahun sekali). Setiap laporan disertai analisis impak, dengan maklum balas warga fakulti diambil kira untuk penambahbaikan seterusnya. Ini memastikan pelaksanaan projek sentiasa relevan, selari perkembangan semasa, dan berfokuskan hasil yang boleh diukur.

### Fasa bengkel strategik dan budaya penambahbaikan berterusan

Penambahbaikan pelan strategik dijalankan melalui bengkel bertema yang membabitkan semua peringkat – dari akar umbi hingga kepimpinan (**Lampiran 7**). Setiap bengkel dirangka secara kolaboratif dengan memanfaatkan data hasil audit dan maklum balas langsung, memperkukuh budaya kerja berasaskan keterbukaan dan inovasi. Penekanan turut diberikan kepada sistem pemantauan keberkesanan pelaksanaan, merangkumi pelaporan progresif, penetapan Indikator kejayaan, dan penyesuaian tindakan mengikut keperluan semasa.

Pendekatan ini sejajar dengan amalan komunikasi strategik yang efektif, yakni melibatkan perancangan teliti, pelaksanaan sistematik, penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, penilaian impak serta adaptasi berterusan terhadap perubahan persekitaran universiti. Hasilnya, penyebaran dan penghayatan pelan strategik FPG kini lebih meluas, bermakna, dan mendorong pencapaian visi serta misi fakulti secara mapan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_P01\\_PB03\\_20251\\_2.3 Lampiran 4. Amanat Dekan 2025 Universiti Teknologi MARA Mail - JEMPUT...UiTM SUNGAI BULOH KE AMANAT DEKAN 2025.pdf](#)
2. [F0037\\_P01\\_PB03\\_20252\\_2.3 Lampiran 5.Town hall.Universiti Teknologi MARA Mail - Invita...pm - 1\\_30pm \(MYT\) \(DR FARA AZWIN ADAM\).pdf](#)
3. [F0037\\_P01\\_PB03\\_20253\\_2.3 Lampiran 6. Bukti Komunikasi di platform Whatsapp.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Fakulti Pergigian (FPG) menerapkan pendekatan pemantauan strategik yang sistematik melalui elemen *Check*, dengan memberi tumpuan khusus kepada penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Pendekatan ini sejajar dengan agenda universiti untuk memperkukuh prestasi MyRA, meningkatkan sitasi dan visibiliti akademik, serta merangsang penjanaaan pendapatan melalui hasil inovasi. Pemantauan berkala membolehkan penilaian keberkesanan setiap inisiatif berdasarkan data yang sahih dan menyokong penambahbaikan berterusan.

FPG telah menubuhkan sembilan pusat pengajian dan kumpulan penyelidikan yang menggalakkan budaya penyelidikan dan penerbitan dalam kalangan pensyarah dan pelajar pascasiswazah. Kumpulan ini menghasilkan penerbitan berindeks, pemfailan paten, serta produk inovatif yang berpotensi untuk dikomersialkan. Key Performance Indicators (KPI) berkaitan penerbitan dan pengkomersilan dipantau secara sistematik, dengan setiap PI diseliasa oleh Pegawai Bertanggungjawab (PIC) dan dilaporkan kepada Unit Perancangan Strategik Universiti (PSTU). Ketua Bahagian Teknologi Universiti (BTU) Fakulti turut memainkan peranan penting dalam menyelaras 66 PI yang ditetapkan, memastikan pelaporan sejajar dengan pencapaian semasa.

Pendekatan komunikasi yang efektif turut diterapkan. Kumpulan WhatsApp penyelidik dan pelaksana digunakan bagi memudahkan kemas kini data dan penyelarasan pantas antara pasukan. Selain itu, e-mel peringatan bulanan dari PSTU dihantar secara konsisten untuk memastikan semua pihak peka terhadap tarikh penting berkaitan pelaporan, pemantauan geran, dan penyerahan output penyelidikan (**Lampiran 1**).

FPG juga menggalakkan libat urus pelbagai pihak melalui bengkel strategi, sesi maklum balas dalam mesyuarat fakulti, forum penyelidikan siswazah dan pelaporan prestasi. Input dari penyelidik, pelajar, staf pentadbiran dan wakil industri disalurkan melalui platform rasmi seperti KPP, KPPS dan JAF (**Lampiran 2**).

Di samping itu, penggunaan sistem UiSMS menyokong pemantauan digital yang menyeluruh termasuk jejak kemajuan geran, artikel diterbitkan, permohonan harta intelek, dan kolaborasi industri. Laporan prestasi strategik dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan setiap bulan bagi tindakan lanjut seperti latihan penyelidik muda dan penambahan sumber kepada projek berimpak tinggi (**Lampiran 3**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_Universiti Teknologi MARA Mail - Monthly Performance Indicator Update -End of June 2025.pdf](#)

- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko utama yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan pencapaian objektif serta inisiatif perancangan strategik di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), khususnya Fakulti Pergigian (FPG). Antaranya ialah kekurangan staf akademik yang aktif dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Keadaan ini boleh memberi kesan langsung kepada jumlah penerbitan berindeks yang dihasilkan, sekaligus menjejaskan prestasi fakulti dalam penilaian MyRA, sitasi akademik, dan pencapaian KPI penyelidikan. Kadar penerbitan berindeks yang rendah juga mencerminkan keperluan kepada latihan, bimbingan dan sokongan dalam aspek penulisan ilmiah secara konsisten. Risiko lain yang turut memberi kesan ialah kegagalan mendapatkan sokongan kewangan luar seperti geran penyelidikan atau dana endowmen, yang boleh membantutkan pelaksanaan projek strategik serta menyekat potensi fakulti dalam menjana pendapatan melalui hasil inovasi dan pengkomersilan. Selain itu, kekangan masa, keperluan teknikal dan kecekapan pelaporan strategik juga dikenal pasti sebagai faktor yang boleh menjejaskan kelancaran pelaksanaan perancangan yang dirangka.

Bagi menangani risiko-risiko ini, FPG telah melaksanakan pengurusan risiko secara sistematik dan proaktif. Melalui penganjuran bengkel mitigasi risiko pada tahun 2024, setiap Pegawai Bertanggungjawab (PIC) bagi petunjuk prestasi (PI) diminta mengenal pasti risiko yang berpotensi mengganggu pencapaian masing-masing serta merangka pelan mitigasi bersesuaian. Fakulti juga menganjurkan bengkel penulisan dan penyelidikan secara berkala bagi meningkatkan kapasiti penerbitan berindeks dalam kalangan staf akademik. Sesi libat urus bersama penyelaras endowmen dan wakil industri turut dilaksanakan untuk merangka strategi jangka panjang mendapatkan dana penyelidikan luar. Di samping itu, penggunaan aplikasi WhatsApp telah menjadi saluran penting untuk menyebarkan maklumat terkini berkaitan geran penyelidikan, tarikh tutup permohonan, dan peluang pembiayaan baharu dengan pantas dan menyeluruh kepada komuniti penyelidik. Peringatan bulanan melalui e-mel daripada pasukan Unit Perancangan Strategik turut membantu memastikan pihak terlibat sentiasa peka terhadap keperluan pelaporan dan pemantauan. Ketua Bahagian Teknologi Universiti (BTU) fakulti, bersama PIC setiap PI, memainkan peranan penting dalam menyelaras pelaporan 66 PI yang telah ditetapkan, agar sejajar dengan pencapaian semasa. Pendekatan berstruktur ini membolehkan risiko ditangani dengan lebih efektif, memastikan pelaksanaan strategi yang mampan, responsif dan menyumbang kepada budaya penyelidikan fakulti yang cemerlang.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20251\\_Risk mitigation.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisan perancangan strategik di Fakulti Pergigian (FPG) dilaksanakan melalui pendekatan berstruktur yang melibatkan pelbagai peringkat pelaporan dan tindakan susulan. Dapatan daripada analisis prestasi, termasuk pencapaian petunjuk prestasi (PI) dan hasil pemantauan pelaksanaan inisiatif, dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti. Maklumat dan keputusan mesyuarat ini kemudiannya disalurkan kepada setiap pusat pengajian untuk tindakan lanjut dan pelarasan semula perancangan di peringkat unit (**Lampiran 1**). Penyebaran maklumat secara jelas dan menyeluruh ini membolehkan ketua pusat pengajian dan penyelaras berkaitan mengambil langkah proaktif dalam memperbaiki kelemahan yang dikenalpasti.

Sebagai sebahagian daripada proses penambahbaikan, fakulti turut menganjurkan bengkel-bengkel khusus bagi meningkatkan pemahaman dan kecekapan pelaksanaan dalam kalangan pegawai pelaksana. Antaranya termasuk bengkel peningkatan kapasiti seperti penulisan artikel berindeks (**Lampiran 2**), strategi pemfailan harta intelek, serta pemantapan kaedah pelaporan dan pemantauan projek seperti *ICAN day* (**Lampiran 3**). Selain itu, bengkel mitigasi yang diadakan membolehkan setiap Pegawai Bertanggungjawab (PIC) mengenal pasti risiko pelaksanaan PI masing-masing dan merangka pelan mitigasi yang bersesuaian berdasarkan realiti dan sumber yang tersedia.

Melalui pendekatan ini, hasil penganalisan tidak hanya terhenti pada semakan data semata-mata, tetapi diterjemahkan kepada tindakan praktikal yang memberi impak langsung terhadap pencapaian strategik. Penyelarasan antara pengurusan fakulti dan pusat pengajian, disokong dengan latihan bersasar dan pelan mitigasi yang jelas, membolehkan perancangan strategik sentiasa dinamik, responsif, dan selari dengan hala tuju universiti. Pendekatan ini juga memastikan setiap penambahbaikan yang dirangka berdasarkan analisis dapat dilaksanakan secara terancang dan mampan di semua peringkat pelaksana.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_Perio minute 04.08.2024.pdf](#)
2. [F0037\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20252\\_Bengkel penulisan.pdf](#)
3. [F0037\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_ICAN day.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik dalam bidang penyelidikan di Fakulti Pergigian (FPG) telah menghasilkan pembudayaan yang semakin kukuh dan meluas dalam kalangan warga fakulti. Salah satu manifestasi utama ialah peningkatan penyertaan pensyarah dalam kumpulan penyelidikan berstruktur seperti Research Initiative Group (RIG) dan pusat pengajian, yang berfungsi sebagai platform kolaborasi dan pemantapan fokus penyelidikan (**rujuk Lampiran 1**). Penglibatan aktif ini menggambarkan tahap komitmen yang tinggi terhadap usaha memperkukuh ekosistem penyelidikan fakulti.

Kesan langsung daripada integrasi ini ialah peningkatan jumlah permohonan geran penyelidikan, termasuk geran dalaman universiti dan juga geran kompetitif luar seperti FRGS dan PRGS. Fakulti turut menyaksikan pertambahan dalam bilangan penyelidik yang berjaya memperoleh pembiayaan, sekaligus menunjukkan keberkesanan strategi dalam memupuk kesedaran, motivasi dan kemahiran dalam penyediaan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti. Dalam masa yang sama, terdapat peningkatan konsisten dalam jumlah penerbitan ilmiah dan penyertaan dalam persidangan akademik, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Ini memperlihatkan kesediaan pensyarah untuk berkongsi hasil penyelidikan dan meningkatkan visibiliti akademik fakulti.

Selain itu, strategi yang dilaksanakan turut berjaya mendorong pertumbuhan inovasi, terutamanya dalam penghasilan produk penyelidikan, pendaftaran harta intelek dan penglibatan dalam aktiviti pengkomersilan. Hal ini menandakan perubahan budaya daripada sekadar menghasilkan output akademik kepada menjana penyelesaian berimpak tinggi yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti.

FPG juga menggalakkan mobiliti akademik melalui penglibatan pensyarah dalam program benchmarking, lawatan akademik dan penyertaan dalam bengkel penyelidikan anjuran institusi luar (**Lampiran 2**). Pendedahan ini memberi nilai tambah kepada pembangunan profesional staf, di samping membuka peluang kerjasama antara institusi.

Menjelang pertengahan 2025, strategi ini telah menyumbang kepada pencapaian lebih 40% petunjuk prestasi (PI) berkaitan penyelidikan dan penerbitan (**Lampiran 3**), dan berdasarkan trend semasa, dijangka melebihi 90% menjelang akhir tahun. Ini membuktikan keberkesanan pelaksanaan pemantauan strategik yang menyeluruh, inklusif, berfokus dan menyokong budaya inovasi fakulti.

Secara keseluruhannya, pembudayaan penyelidikan di FPG berkembang hasil pendekatan strategik yang menyeluruh, kolaboratif dan berfokus. Ia membuktikan bahawa integrasi perancangan yang teliti bukan sahaja meningkatkan pencapaian, malah menyemai semangat penyelidikan yang lestari dan kompetitif dalam kalangan warga akademik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_P01\\_PB05\\_20251\\_RIG\\_Members\\_from\\_Fakulti\\_Pergigian.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian (FPG) Universiti Teknologi MARA (UiTM) komited dalam memastikan kecemerlangan perkhidmatan melalui penekanan terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan, khususnya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Pelaksanaan strategi ini dilaksanakan secara sistematik melalui pendekatan **Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Pemantauan (Check) dan Tindakan Penambahbaikan (Act)**, selaras dengan prinsip ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration).

#### **Perancangan (Plan)**

FPG merangka strategi penyelidikan dan inovasi berasaskan maklum balas pelanggan serta analisis prestasi terdahulu. Sumber disusun semula bagi memastikan penyelidik mendapat sokongan optimum, termasuk dari aspek pembiayaan, kepakaran, infrastruktur dan jaringan industri. Keperluan pelajar, penyelidik dan rakan kerjasama turut diambil kira dalam merangka dasar serta aktiviti fakulti.

#### **Pelaksanaan (Do)**

Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memperkasa budaya penyelidikan dan inovasi. Antaranya termasuk Klinik Penyelidikan Pensyarah, Klinik Penyelidikan Pelajar Pascasiswazah, bengkel penulisan jurnal, sistem semakan manuskrip pra-hantar dan bimbingan geran penyelidikan. FPG turut menjalin MoU dan MoA dengan institusi dan agensi luar bagi mengatasi kekangan rakan kolaborasi serta meningkatkan peluang pengkomersilan. Media sosial rasmi digunakan secara aktif sebagai saluran komunikasi dua hala bersama pelanggan dalaman dan luaran.

#### **Pemantauan (Check)**

Pemantauan dilakukan melalui sistem pelaporan berkala seperti *Google Form Performance Indicator*, Borang Kemajuan Siswazah, dan soal selidik kepuasan makmal. Data yang diperoleh dianalisis untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan dan jurang prestasi. Lapan risiko utama merentasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan telah dikenal pasti dan tindakan mitigasi telah dilaksanakan secara bersasar. FPG juga menganalisis tren tahunan maklum balas dan aduan pelanggan bagi tujuan intervensi jangka panjang.

#### **Tindakan Penambahbaikan (Act)**

Setiap maklum balas dikaji dan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa fakulti. Tindakan susulan dilaksanakan dan dipantau keberkesanannya melalui audit dalaman serta soal selidik susulan. Antara penambahbaikan termasuk pengubahsuaian proses permohonan geran, penyelarasan beban tugas penyelidik, pelaksanaan sistem pemantauan digital, serta pengukuhan proses kelulusan etika melalui sistem e-Ethics. Hasil daripada usaha ini, FPG berjaya meningkatkan kadar penerbitan jurnal berimpak tinggi dan kadar graduasi pelajar PhD dalam tempoh yang ditetapkan (Graduate on Time).

#### **Kesimpulan**

Pendekatan holistik FPG dalam pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan telah mewujudkan ekosistem yang dinamik dan inklusif. Integrasi maklum balas pelanggan dalam setiap proses memastikan budaya penambahbaikan berterusan dapat diperkasa, seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan institusi di peringkat nasional dan antarabangsa.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pergigian (FPG) menekankan pentingnya penglibatan pelanggan secara menyeluruh dan dinamik dalam menjayakan penyelidikan, penerbitan serta usaha pengkomersialan yang berkualiti dan berimpak tinggi. Pendekatan ini dilaksanakan melalui kolaborasi rapat bersama dua kumpulan utama pelanggan iaitu pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran serta pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang peranan mereka dikenalpasti melalui pemetaan tanggungjawab dan kepakaran masing-masing. Manakala pelanggan luaran meliputi pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, organisasi profesional, industri serta penyelidik dari universiti dalam dan luar negara yang menjalinkan kerjasama strategik dengan fakulti.

Hubungan dengan pelanggan luaran sentiasa diperkukuh menerusi jemputan sebagai panel ilmiah, kerjasama penyelidikan dan perkongsian teknologi terkini. Antara organisasi yang terlibat termasuk Malaysian Dental Association (MDA), Malaysian Association of Dental Public Health Specialists (MADPHS), Hospital Beyond Boundaries (HBB), Noah Foundation, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan STRAUMANN Group Sdn. Bhd. FPG juga memeterai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dengan institusi tempatan dan antarabangsa seperti SEGi University, Nanyang Medical College, Queen Mary University of London dan universiti-universiti dalam negara. Kolaborasi ini turut merangkumi permohonan geran dan pelaksanaan projek penyelidikan bersama, antaranya dengan Micro Industry Hub, The MPS Foundation, dan Nitium Technology Sdn. Bhd. Senarai penuh kerjasama rasmi bagi tahun 2023 dan 2024 boleh dirujuk melalui pautan yang disediakan:

[https://drive.google.com/drive/folders/1EXP4vcnPTIZHIO-YP\\_VhaeUEOTXfNdJt?usp=share\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/1EXP4vcnPTIZHIO-YP_VhaeUEOTXfNdJt?usp=share_link)

Segala inisiatif berkaitan penglibatan pelanggan diselaras oleh Jawatankuasa Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (PJIA), yang bertindak sebagai pusat penyelarasan dan pelapor kepada entiti peringkat universiti seperti BTU, RMC, ICAN dan BITCOM. Bagi menyokong sistem pengurusan pelanggan yang lebih efisien, beberapa platform digital telah dibangunkan termasuk Performance Indicator Update, Smart-ICAN Pelaporan, sistem tempahan makmal melalui Picktime.com, Virtual Lab Safety Assessment, Research Lab Pre-Training User Satisfaction, serta sistem e-Aduan. Sistem-sistem ini membantu merekod dan menganalisis data berkaitan penerbitan, penggunaan makmal, geran penyelidikan, kolaborasi, dan penglibatan pelanggan secara sistematik. Taklimat mengenai penggunaan sistem ini dikendalikan oleh Dekan dan PJIA, manakala hebahan di peringkat lebih luas dibuat melalui sistem RIA.

Dalam usaha menggalakkan budaya penyelidikan dan penulisan, FPG menganjurkan pelbagai bengkel, persidangan dan pertandingan. Bengkel penulisan tahunan memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis dan menerbitkan artikel berimpak tinggi. Selain itu, dua persidangan penyelidikan telah diadakan khusus untuk pelajar sarjana muda (Dental Student Symposium) dan pascasiswazah (Postgraduate Dental Symposium), manakala inovasi dan komersialisasi pula dipupuk melalui pertandingan tahunan International Invention & Innovation in Dentistry Exhibition (IIDentEx) sejak tahun 2019.

Secara keseluruhan, kedua-dua kumpulan pelanggan memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan di FPG. Melalui kerjasama strategik, perkongsian kepakaran dan jaringan alumni yang aktif, FPG terus berkembang sebagai institusi penyelidikan yang cemerlang dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_T01\\_TB02\\_20251\\_Geran\\_2021-2024.pdf](#)
2. [F0037\\_T01\\_TB02\\_20252\\_Lampiran\\_3.2.pdf](#)

- 3.
- 4.
- 5.

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bagi menyokong sistem pengurusan pelanggan yang lebih efisien, beberapa platform digital telah dibangunkan termasuk Performance Indicator Update, Smart-ICAN Pelaporan, sistem tempahan makmal melalui Picktime.com, Virtual Lab Safety Assessment, Research Lab Pre-Training User Satisfaction, serta sistem e-Aduan. Sistem-sistem ini membantu merekod dan menganalisis data berkaitan penerbitan, penggunaan makmal, geran penyelidikan, kolaborasi, dan penglibatan pelanggan secara sistematik. Taklimat mengenai penggunaan sistem ini dikendalikan oleh Dekan dan PJIA, manakala hebahan di peringkat lebih luas dibuat melalui sistem RIA. Bagi pelanggan dalaman, maklumat berhubung penerbitan dan perolehan geran direkod melalui sistem UiTM seperti PRIME dan IRMIS. Sementara itu, data berkaitan pelajar pascasiswazah dikumpul melalui platform UPTRACKS dan SIMS.

Segala inisiatif berkaitan penglibatan pelanggan diselaras oleh Jawatankuasa Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (PJIA), yang bertindak sebagai pusat penyelarasan dan pelapor kepada entiti peringkat universiti seperti BTU, RMC, ICAN dan BITCOM. Bagi menyokong sistem pengurusan pelanggan yang lebih efisien, beberapa platform digital telah dibangunkan termasuk Performance Indicator Update, Smart-ICAN Pelaporan, sistem tempahan makmal melalui Picktime.com, Virtual Lab Safety Assessment, Research Lab Pre-Training User Satisfaction, serta sistem e-Aduan. Sistem-sistem ini membantu merekod dan menganalisis data berkaitan penerbitan, penggunaan makmal, geran penyelidikan, kolaborasi, dan penglibatan pelanggan secara sistematik. Taklimat mengenai penggunaan sistem ini dikendalikan oleh Dekan dan PJIA, manakala hebahan di peringkat lebih luas dibuat melalui sistem RIA.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**Fakulti Pergigian (FPG) melaksanakan pemantauan secara berkala bagi menambah baik semua aspek dalam usaha meningkatkan kecemerlangan dalam bidang tumpuan. Antara inovasi yang digunakan dalam proses pemantauan di peringkat fakulti adalah seperti berikut:**

1. **Google Form Performance Indicator(PI) Update** – Satu sistem pemantauan dalaman yang dibangunkan bagi mengumpul data prestasi staf akademik dalam aktiviti seperti penglibatan dalam projek inovasi, perundingan, serta penghasilan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). Staf akademik akan mengemas kini prestasi masing-masing secara berkala. (Lampiran 3.4.1a)
2. **Borang Kemajuan Siswazah** – Disediakan oleh Pejabat Siswazah FSG, borang ini digunakan untuk memantau kemajuan penyelidikan pelajar pascasiswazah. Pemantauan berstruktur ini telah berjaya menyumbang kepada peningkatan bilangan pelajar PhD yang bergraduasi dalam tempoh ditetapkan (*Graduate on Time*), berbanding tahun-tahun sebelumnya. (Lampiran 3.4.1b menunjukkan contoh borang yang perlu di isi oleh pelajar pasca siswazah)
3. **Research Lab Pre-Training User Satisfaction Survey** – Satu kaedah penilaian kepuasan pengguna makmal sebelum sesi latihan dijalankan. Data daripada kaji selidik ini digunakan untuk penambahbaikan fasiliti dan keberkesanan latihan di makmal penyelidikan

Antara ganjaran utama yang diperolehi daripada pelaksanaan ini termasuklah peningkatan keberkesanan perancangan penyelidikan dan keupayaan fakulti dalam mengenal pasti bidang tumpuan berimpak tinggi. Ini membolehkan pengagihan sumber dilakukan secara strategik, meningkatkan hasil penyelidikan dan kebolehpasaran produk inovasi.

Selain itu, pemantauan rapi terhadap kemajuan pelajar pascasiswazah menyumbang kepada peningkatan kadar graduasi pelajar PhD dalam tempoh yang ditetapkan (*Graduate on Time*), sekali gus mencerminkan keberkesanan sistem sokongan akademik dan bimbingan penyeliaan.

Dari segi penerbitan, pemantauan prestasi staf membolehkan fakulti mengenal pasti keperluan latihan atau sokongan, seterusnya meningkatkan kualiti dan kuantiti artikel dalam jurnal berimpak tinggi. Ini juga membuka ruang kepada pengiktirafan akademik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam aspek pengkomersilan, data pemantauan membantu mengenal pasti potensi inovasi untuk diketengahkan melalui kerjasama industri. Ini memperluas jaringan profesional dan peluang penajaan pendapatan melalui produk atau perkhidmatan berasaskan penyelidikan.

Secara keseluruhannya, pemantauan ini memupuk budaya kerja yang berteraskan *accountability*, *integrity*, dan penambahbaikan berterusan. Ia juga memperkukuh pembelajaran organisasi, memperkasa warga fakulti untuk terus menambah nilai dalam ekosistem penyelidikan dan pengkomersilan universiti, sejajar dengan visi UiTM sebagai institusi unggul dalam pendidikan dan inovasi.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_Lampiran 3.4.1a.pdf](#)
2. [F0037\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_Lampiran 3.4.1b.pdf](#)
- 3.

4.

5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan pencapaian maklum balas pelanggan telah dikenal pasti melalui sesi libat urus bersama penyelidik, pihak pengurusan fakulti serta analisis data audit dan laporan pencapaian tahunan. Hasil daripada pendekatan ini, lapan kategori risiko utama yang merentasi tiga bidang tumpuan fakulti – penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan – telah dikenal pasti.

Setiap risiko diuruskan melalui tindakan mitigasi yang dirancang secara bersasar, dengan pendekatan melibatkan latihan, pemberian insentif, pemantauan sistematik, serta pengukuhan kerjasama pelbagai pihak. Pemantauan berkala turut dijalankan bagi menilai keberkesanan intervensi dan menjamin penambahbaikan berterusan.

#### **Kategori risiko dan tindakan mitigasi yang diambil termasuk:**

1. **Kewangan** – Risiko kekurangan dana geran diatasi melalui usaha mendiversifikasi sumber pembiayaan seperti dana industri, antarabangsa dan *matching grants*. Selain itu penjana pendapatan telah diusahakan dengan mengadakan bengkel-bengkel (*Lampiran 3.4.2a*)
2. **Jaringan Industri** – Isu kekurangan peluang penyelidikan serta kekangan mendapatkan rakan kerjasama yang berpengalaman telah diatasi melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama universiti serta agensi luar. Usaha ini bertujuan memperluas peluang penyelidikan, memperkukuh jaringan kepakaran dan merangsang kolaborasi strategik yang berimpak tinggi. (*Lampiran 3.4.2b*)
3. **Infrastruktur** – Isu makmal tidak mencukupi dan peralatan usang ditangani melalui penilaian aset tahunan, pelan pembaikan dan permohonan geran kemudahan.
4. **Pemantauan Projek** – Kelewatan laporan projek dan ketiadaan *milestone* jelas diatasi dengan penggunaan sistem pemantauan automatik dan *dashboard* penyelidikan fakulti.
5. **Penglibatan Pelajar Pascasiswazah** – Risiko ketidakterlibatan pelajar diatasi melalui sistem pemantauan penyeliaan.

Langkah ini membolehkan fakulti merancang tindak balas proaktif terhadap cabaran semasa dan masa hadapan, seterusnya memastikan kepuasan dan keyakinan pelanggan sentiasa terpelihara.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_Lampiran 3.4.2a.pdf](#)
2. [F0037\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_Lampiran 3.4.2b.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Pergigian mengamalkan pendekatan sistematik dan responsif dalam mengurus maklum balas serta aduan daripada pelanggan seperti pelajar, penyelidik, staf akademik dan pentadbiran, rakan industri serta komuniti. Semua maklum balas direkodkan melalui pelbagai saluran termasuk sistem e-Aduan rasmi universiti, borang maklum balas program, media sosial rasmi FPG serta saluran langsung ke Unit Kualiti & Inovasi fakulti.

Sebagai contoh, Kajian Kepuasan Pelanggan Makmal Penyelidikan telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan makmal penyelidikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan (Lampiran 3.4.3.a)

Setiap aduan yang diterima dianalisis dan dikategorikan mengikut domain seperti infrastruktur penyelidikan, akses kepada dana geran, sistem sokongan penerbitan, komunikasi dalaman dan kebajikan staf. Aduan ini dibincangkan secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Fakulti dan Jawatankuasa Penyelidikan & Inovasi. Pengurusan kemudian merangka pelan tindakan pembedahan dan pencegahan berdasarkan tahap keutamaan aduan tersebut.

Beberapa tindakan penambahbaikan konkrit yang telah dilaksanakan termasuk:

- Penambahbaikan proses permohonan geran dalaman dan konsultasi mentor penyelidikan.
- Penyediaan bengkel penulisan manuskrip bersama mentor
- Penjadualan semula beban tugas penyelidik melalui sistem perancangan kursus fakulti.

Setiap tindakan susulan dipantau melalui sistem audit dalaman dan soal selidik keberkesanan, manakala analisis tren tahunan terhadap aduan digunakan untuk mengenal pasti pola isu berulang serta merancang intervensi pencegahan jangka panjang. Tambahan itu, takwim mesyuarat yang diumumkan awal kepada semua pihak berkaitan membolehkan isu disalurkan dan dibincangkan lebih proaktif.

Pendekatan ini bukan sahaja menyelesaikan aduan secara berkesan tetapi turut menyokong pembudayaan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga fakulti, sejajar dengan aspirasi kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi universiti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_Lampiran 3.4.3.a.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan tindakan penambahbaikan berdasarkan maklum balas pelanggan di Fakulti Pergigian (FPG) telah menunjukkan keberkesanan yang ketara dan menyeluruh merentasi pelbagai peringkat organisasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan dalaman dan luaran, malah telah berjaya membina budaya kerja yang lebih kolaboratif, responsif dan berasaskan penambahbaikan berterusan.

Keberkesanan dapat dilihat melalui peningkatan dalam beberapa indikator utama:

- **Penyelidikan:** Terdapat peningkatan jumlah geran dalaman dan luaran yang berjaya diperoleh hasil daripada pemantapan sistem permohonan geran dan sesi konsultasi bersama mentor penyelidikan.
- **Penerbitan:** Kualiti dan kuantiti penerbitan dalam jurnal berindeks meningkat secara konsisten, dipacu oleh sokongan bengkel penulisan dan sistem semakan manuskrip pra-hantar yang lebih sistematik

Fakulti Pergigian telah tersenarai dalam kalangan 50 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Cemerlang dengan penarafan lima bintang bagi tahun 2022 berdasarkan skor penilaian yang ditetapkan dan Anugerah Kecemerlangan Prestasi (AKPU 2023)(Rajah 3.5.1). Di samping itu, pelbagai anugerah berprestij telah berjaya diraih oleh warga fakulti, termasuk pensyarah dan pelajar pascasiswazah, melalui penyertaan dalam pertandingan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Rajah 3.5.2)

Dari segi integrasi, semua tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan tidak hanya berfungsi secara silo, tetapi disepadukan dalam sistem pengurusan kualiti fakulti melalui platform seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi, serta pelaporan dalam audit dalaman universiti. Unit Kualiti & Inovasi Fakulti memainkan peranan sebagai penghubung antara data maklum balas, perancangan strategik dan pelaksanaan inisiatif penambahbaikan.

Selain itu, hasil daripada pendekatan sistematik ini, beberapa **inovasi dalaman** telah berjaya dihasilkan:

1. **Klinik Penyelidikan Pensyarah Pergigian** merupakan sesi bimbingan berkala yang dikendalikan oleh penyelia dan mentor penyelidikan bagi membantu pensyarah mengenal pasti serta menyelesaikan isu-isu berkaitan kajian. Sesi ini juga memberi penekanan kepada persediaan penulisan manuskrip yang bersedia untuk diterbitkan, termasuk struktur penulisan, pemilihan jurnal yang sesuai, dan pematuhan kepada etika penerbitan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kualiti penyelidikan serta memperkasa budaya penerbitan ilmiah dalam kalangan warga akademik fakulti.
2. **Integrasi media sosial rasmi FPG** sebagai saluran komunikasi dua hala membolehkan penyampaian maklumat dan interaksi lebih pantas dengan pihak berkepentingan luar seperti alumni, industri dan masyarakat. (Rajah 3.5.3)

Secara keseluruhan, usaha-usaha ini telah mewujudkan satu ekosistem penyelidikan, penerbitan dan inovasi yang lebih inklusif dan mampan. Integrasi antara maklum balas pelanggan, data prestasi dan tindakan penambahbaikan telah membolehkan FPG bergerak selangkah ke hadapan dalam mencapai kecemerlangan akademik dan menyumbang kepada aspirasi UiTM sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan inovasi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_T01\\_TB05\\_20251\\_Rajah 3.5.1.pdf](#)

2. [F0037\\_T01\\_TB05\\_20252\\_Rajah 3.5.2.pdf](#)
3. [F0037\\_T01\\_TB05\\_20253\\_Rajah 3.5.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian (DS), UiTM telah merangka dan melaksanakan strategi pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan secara menyeluruh bagi menyokong pencapaian misi universiti ke arah Universiti Terkemuka Dunia 2025.

#### **PLAN (Perancangan):**

Melalui Pelan Strategik Fakulti Pergigian 2021–2025 yang selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Induk MyRA, fakulti mengenal pasti bidang tumpuan *Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersilan* sebagai fokus utama. Program strategik bagi memperkasakan penerbitan berindeks, meningkatkan pembangunan kapasiti penyelidikan serta memacu pengantarabangsaan hasil penyelidikan.

Perancangan ini turut menetapkan indikator utama (KPI) seperti bilangan penerbitan berindeks, bilangan geran, sitasi, IP, dan jaringan kerjasama luar.

#### **DO**

Pelaksanaan dilakukan melalui pemantauan PRIME dan MyATP secara berkala, program latihan penyelidikan, pelaksanaan SAP berbentuk kolaborasi (seperti ICAN Day, SMILE 4.0), serta penggunaan platform Google Workspace dan UFuture. Data pengetahuan dikumpul melalui SuFO, senarai penglibatan staf dalam aktiviti akademik, serta hasil program penerbitan berimpak tinggi dan transformasi digital fakulti.

#### **CHECK (Pemantauan):**

Pemantauan dijalankan secara suku tahunan oleh Jawatankuasa Kualiti dan dibentang dalam Mesyuarat Kualiti dan Strategik Fakulti (MKSP). Data daripada PRIME dan eLPPT digunakan untuk mengenal pasti jurang prestasi staf. Analisis pencapaian RIG serta pencapaian pusat pengajian turut dijalankan bagi memastikan keseragaman hasil penyelidikan antara kumpulan. Semua prestasi dipantau melalui dashboard dalaman dan dilaporkan kepada dekan serta pihak universiti.

#### **ACT (Tindakan Penambahbaikan):**

Hasil pemantauan digunakan untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan berterusan. Contohnya, staf yang mencatat prestasi rendah diberikan latihan tambahan, manakala pairing sistem mentor-mentee diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti penulisan. Fakulti juga melaksanakan sistem ganjaran dan insentif penerbitan sebagai motivasi. Risiko seperti penerbitan dalam jurnal pemangsa atau kelewatan data ditangani melalui SOP penapisan jurnal dan audit dalaman.

Keseluruhannya, pendekatan PDCA ini telah membantu mewujudkan budaya pengetahuan yang dinamik dan mampan dalam kalangan warga fakulti, disokong oleh data yang kukuh dan tindakan yang responsif.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pergigian UiTM menggunakan pendekatan berstruktur dalam menentukan ukuran pencapaian bagi bidang tumpuan *Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan*, yang selaras dengan matlamat 5 Projek Strategik SAP Fakulti Pergigian tahun 2025. Pendekatan ini dibentuk untuk menilai keberkesanan pelaksanaan pengetahuan organisasi merentas semua lapisan warga fakulti, dari staf akademik hingga pentadbiran, dengan fokus kepada capaian hasil dan impak yang boleh diukur secara konsisten.

Antara ukuran utama yang digunakan termasuk:

#### 1. Data Penyelidikan dan Penerbitan

- Bilangan artikel yang diterbitkan dalam jurnal berindeks (Scopus/WoS/ERA/MyCite)
- Bilangan sitasi dan H-index bagi staf akademik melalui pangkalan data Scopus
- Bilangan geran penyelidikan aktif (dalaman dan luaran termasuk FRGS, RAGS, Dana Fakulti)
- Bilangan hasil inovasi yang dilindungi (paten, hak cipta)
- Skor MyRA Fakulti berdasarkan output penyelidikan

#### 2. Pengukuran Keberkesanan Transformasi Digital

- Tahap penglibatan staf dalam penggunaan sistem Google Workspace, UFuture, PRIME, MyATP dan Pro-PENS
- Bilangan staf yang menyertai bengkel dan latihan digital
- Penilaian maklum balas selepas bengkel melalui borang reflektif atau skor kepuasan

#### 3. Peningkatan Profesionalisme dan Kepakaran

- Bilangan staf yang mengikuti latihan sendiri (CPD), latihan dalaman dan luaran.
- Senarai staf yang dilantik sebagai pembimbing atau jurulatih dalaman

#### 4. Penilaian Keberkesanan Komunikasi dan Kesejahteraan

- Skor SuFO (Student Feedback Online) untuk setiap pensyarah (Bukti 1)
- Happiness Index Warga
- Bilangan intervensi kesihatan mental, sokongan sosial dan program kesejahteraan staf

#### 5. Data Keberkesanan Pelaksanaan SAP

- Status pelaksanaan setiap projek SAP melalui Dashboard Pemantauan melalui sistem UiSMS (Bukti 2)
- Bilangan pelaporan PRISMA yang lengkap dan dikemaskini mengikut suku tahun
- Jumlah program perkongsian ilmu, penerbitan bersama dan penyertaan dalam pertandingan inovasi

Pendekatan ini membolehkan fakulti menilai prestasi secara menyeluruh dan holistik. Ia bukan sahaja menekankan kepada kuantiti hasil, tetapi turut mengambil kira kualiti pelaksanaan, kesejahteraan warga, serta keberkesanan transformasi digital dan pembelajaran organisasi. Ukuran ini dilaporkan dan dibincang secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti, serta digunakan sebagai asas kepada tindakan penambahbaikan berasaskan data.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_A01\\_AB02\\_20251\\_SuFO Fakulti Pergigian UiTm 2025.pdf](#)
2. [F0037\\_A01\\_AB02\\_20252\\_5 Projek SAP Fakulti Pergigian Buat tahun 2025.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti Pergigian UiTM melaksanakan proses pengumpulan dan analisis data secara sistematik dan berjadual bagi menilai keberkesanan pelaksanaan pengurusan pengetahuan di bawah lima projek utama SAP 2025. Proses ini disokong oleh pelbagai platform pengurusan data dan sistem pemantauan universiti, serta dikendalikan oleh Unit Kualiti dan Unit SAP Fakulti.

#### Jenis Data yang Digunakan:

##### 1. Data Penyelidikan dan Penerbitan

- Data PRIME: jumlah penerbitan (Scopus, WoS), kategori penerbitan, kolaborasi luar
- Data MyRA: geran penyelidikan, IP, sitasi dan penerbitan bersama industri/akademik

##### 2. Data Pembangunan Profesional

- Rekod kehadiran latihan staf dalaman dan luar
- Senarai modul onboarding staf baharu dan refleksi peserta
- Data pelantikan mentor serta pemilihan mentee yang bersesuaian

##### 3. Data Transformasi Digital

- Laporan penggunaan Google Workspace, U Future, Google Meet dan MyATP
- Kehadiran bengkel digital serta skor penilaian kepuasan peserta

##### 4. Data Penilaian Pengajaran dan Kesejahteraan

- Skor SuFO pensyarah (Student Feedback Online)
- Indeks Kebahagiaan Staf (survey dalaman)
- Maklum balas staf terhadap suasana kerja dan keseimbangan kerja-hidup

##### 5. Data Pelaksanaan SAP

- Laporan pelaksanaan projek SAP dalam Dashboard Prestasi (Bukti 1)
- Bilangan inisiatif, infografik aktiviti, laporan berkala projek

#### Kaedah dan Metodologi Penilaian:

##### • Pengumpulan data secara berkala:

- PRIME, SuFO dan e-LPPT: dikemaskini setiap suku tahun
- Dashboard SAP: dikemaskini bulanan oleh koordinator projek
- Penilaian latihan dan bengkel: selepas setiap sesi
- Kajian kepuasan dan kesejahteraan: dua kali setahun

##### • Metodologi analisis:

- Analisis kuantitatif: trend pencapaian skor, bilangan output, skor purata SuFO dan sitasi
- Analisis kualitatif: refleksi staf, maklum balas peserta bengkel, pelaporan mentor-mentee
- Pemadanan data rentas sistem (contoh: e-LPPT vs PRISMA vs SuFO) untuk pengesanan prestasi staf

• **Pelaporan dan Penggunaan Data:**

- Data dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti** setiap suku tahun
- Digunakan untuk menyesuaikan intervensi, membentuk pelan tindakan, dan membuat keputusan strategik fakulti
- Disatukan dalam laporan prestasi tahunan fakulti dan pelaporan kepada pengurusan universiti

Pendekatan pengumpulan dan analisis data ini membolehkan fakulti menilai pencapaian dengan lebih tepat, mengenal pasti jurang, dan melaksanakan tindakan susulan secara terancang. Visualisasi data dalam bentuk dashboard dan infografik turut membantu kefahaman warga terhadap prestasi kolektif fakulti.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_A01\\_AB03\\_20251\\_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2024 - 11 \(1\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Hasil penganalisaan data daripada sistem PRIME, MyATP, SuFO dan dashboard pelaksanaan SAP digunakan secara langsung dalam proses pemantauan dan penambahbaikan prestasi fakulti. Setiap data yang dikumpulkan dianalisis oleh Jawatankuasa Kualiti dan Unit SAP, kemudian dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF )** yang diadakan secara berkala.

Sebagai contoh, analisis PRISMA menunjukkan terdapat jurang dalam pencapaian penerbitan antara staf senior dan junior. Maklumat ini digunakan untuk menyusun **sesi bimbingan secara pairing (mentor-mentee)**, memfokus kepada staf yang memerlukan sokongan dalam penulisan jurnal berindeks.

Melalui analisis MyATP dan PRIME, pengurusan dapat mengenal pasti staf dengan pencapaian penyelidikan rendah, lalu diberikan insentif untuk menyertai bengkel yang bersesuaian atau dicalonkan untuk geran fakulti.

Semua dapatan ini dikongsi secara terbuka kepada staf melalui:

- Infografik prestasi PRIME dan SuFO
- Dashboard prestasi SAP
- Taklimat bulanan di peringkat jabatan/unit
- Laporan MPF dan laporan tahunan fakulti

Perkongsian maklumat secara telus ini membina budaya akauntabiliti, mendorong pembelajaran berterusan, dan memastikan setiap tindakan penambahbaikan adalah berdasarkan bukti dan data yang sah.

### **SENARAI BUKTI:**

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dikenal pasti melalui kaedah analisa data sistematik, sesi libat urus bersama staf, serta semakan prestasi secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF). Proses ini dikendalikan oleh PSTU dan Timbalan-timbalan dekan serta Unit Kualiti fakulti berdasarkan pemantauan lima projek utama SAP.

Antara risiko utama yang telah dikenal pasti termasuk:

##### 1. Ketidaktepatan dan kelewatan kemas kini data PRISMA dan MyATP

- Risiko ini memberi kesan kepada ketepatan laporan pencapaian fakulti. Ia dikenal pasti melalui semakan silang data antara PRIME, MyATP dan laporan unit.

##### 2. Penerbitan dalam jurnal tidak bereputasi (jurnal pemangsa)

- Risiko ini dikesan apabila beberapa laporan PRIME menunjukkan penerbitan dalam jurnal yang tiada dalam senarai Scopus/WoS. Tindakan susulan dibuat dengan menghasilkan senarai putih jurnal disahkan.

##### • 3. Kekurangan penyelarasan modul onboarding dan latihan dalaman

- Risiko ini dikenalpasti selepas dapatan soal selidik staf baharu menunjukkan ketidakpastian hala tuju dalam minggu-minggu awal perkhidmatan.

Risiko-risiko ini didokumenkan dalam **Daftar Risiko Fakulti** (Bukti 1) dan dibentangkan dalam MPF (Bukti 2) untuk tindakan mitigasi. Antara tindakan yang diambil termasuk peringatan untuk lebih bertanggungjawab, pembangunan modul onboarding digital, dan pelaksanaan bengkel mikro digital berstruktur.

Pendekatan ini memastikan risiko tidak hanya dikenal pasti tetapi diurus secara proaktif dan responsif selaras dengan amalan pengurusan kualiti berasaskan bukti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_Daftar Risiko - Selesai Laporan eRMS.pdf](#)
2. [F0037\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20252\\_Minit MPF - Pembentangan Risiko.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Pergigian UiTM menjalankan semakan keberkesanan tindakan penambahbaikan secara berkala melalui analisa data kuantitatif dan kualitatif daripada sistem PRIME, e-LPPT, SuFO serta Dashboard SAP. Proses ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Kualiti Fakulti bersama PSTU dan disemak dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti**.

Analisa dilakukan bagi mengukur impak setiap tindakan yang telah dilaksanakan terhadap pencapaian bidang tumpuan. Sebagai contoh, keberkesanan program pairing dalam eQuIP dinilai melalui peningkatan jumlah artikel Scopus yang disumbang oleh pensyarah junior dalam suku tahun berikutnya. Begitu juga dengan keberkesanan bengkel mikro digital yang dianalisa berdasarkan kadar kehadiran, skor refleksi peserta, serta perubahan dalam penggunaan Google Workspace.

Setiap dapatan digunakan untuk menyesuaikan semula pelaksanaan program. Sebagai contoh:

- **Senarai putih jurnal** dikemas kini setiap enam bulan selepas didapati masih wujud penyertaan ke jurnal meragukan.
- **Dashboard SAP** direka bentuk semula untuk mempercepatkan capaian data dan memudahkan pelaporan oleh unit.

Semua semakan ini disertakan dengan laporan impak dan cadangan penambahbaikan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti** serta diedarkan kepada ketua unit. Semakan juga menjadi asas kepada penyusunan program fakulti tahun berikutnya.

Pendekatan ini memastikan tindakan penambahbaikan yang dibuat bukan sahaja dilaksanakan, tetapi juga dianalisis dari segi kesan dan dikaji semula bagi memastikan kesesuaian dalam konteks dinamik organisasi.

#### **SENARAI BUKTI :**

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Tindakan berasaskan PDCA yang dilaksanakan menerusi 5 projek SAP diharapkan dapat membentuk budaya kerja fakulti yang lebih sistematik, responsif dan berorientasikan data. Budaya ini dapat dilihat melalui:

- Semua staf kini aktif melaporkan prestasi melalui laporan bulanan, MyATP dan PRISMA
- Penggunaan data dalam membuat keputusan di semua peringkat pengurusan
- Budaya kolaborasi rentas jabatan melalui program pairing dan perkongsian ilmu
- Penggunaan aplikasi digital dalam pentadbiran dan pengajaran meningkat mendadak
- Wujudnya minat terhadap penyelidikan dan pertandingan inovasi secara sukarela
- Pelantikan staf sebagai mentor berdasarkan kepakaran

Budaya ini menggalakkan keterbukaan, tanggungjawab bersama dan pemilikan terhadap prestasi. Ia sekali gus menyokong misi universiti untuk mewujudkan ekosistem ilmu berimpak tinggi dan mampan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_A01\\_AB05\\_20251\\_Laporan AKNC 20212025.pdf](#)
2. [F0037\\_A01\\_AB05\\_20252\\_Pencapaian DS 2024.pdf](#)
3. [F0037\\_A01\\_AB05\\_20253\\_SENARAI PENERIMA AD ^0 ANC TAHUN 2024 SESI 20242 \(MAC- OGOS 2025\) SESI AKADEMIK 2023.2024 PROGRAM DS240.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian (FPG) memberikan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia bagi memastikan fakulti dapat memenuhi keperluan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan termasuk operasi klinikal, di samping menjamin kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Fakulti mempunyai kekuatan staf seramai 230 orang yang memegang pelbagai jawatan akademik, pentadbiran dan sokongan. Fakulti mengamalkan pendekatan "**ATTRACT**", "**TRAIN**" dan "**RETAIN**" untuk memastikan kualiti staf yang dilantik, serta seterusnya menyokong pembangunan bakat dan potensi setiap individu yang berperanan untuk memberikan impak ke atas kualiti perkhidmatan dan pencapaian menyeluruh Fakulti.

Bagi **perancangan** sumber manusia, Fakulti Pergigian telah diberikan kuasa autonomi oleh UiTM bagi pelantikan staf akademik. Perancangan pelantikan staf akademik adalah berdasarkan kepada pelunjuran fakulti dan waran perjawatan daripada universiti, yang disediakan berpandukan kepada keperluan perjawatan. Pemilihan calon dibuat berdasarkan bidang kepakaran, kelayakan, pengalaman bekerja dan pengetahuan meluas dalam bidang pergigian. Iklan perjawatan akan dibuat melalui laman web Fakulti, media sosial dan email dalaman, diikuti oleh temuduga calon yang disenarai pendek dan seterusnya penawaran kepada calon berjaya. Bagi pembangunan staf, Jawatankuasa Kepakaran peringkat Fakulti Pergigian UiTM telah ditubuhkan, di bawah kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan Kali Ke-103 pada 13 Januari 2009, bagi menilai pengiktirafan gelaran sebagai Pakar Pergigian, serta mempertimbangkan pembayaran elaun iaitu Elaun Galakan, Bayaran Insentif Pakar, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam.

Dari segi **pelaksanaan**, Fakulti telah menyediakan data staf (akademik dan pentadbiran), berserta senarai kepakaran dan subkepakaran staf akademik. Data ini dapat diakses melalui laman web fakulti, yang juga dihubungkan dengan pautan ke '*google scholar*', '*scopus*' '*research gate*' dan '*UiTMexpert*'. Dari segi pembangunan kerjaya, Fakulti menitikberatkan pewartaan pakar (yang dijalankan melalui Mesyuarat Kepakaran), kenaikan pangkat (yang diproses melalui Mesyuarat Kesepakatan) dan penglibatan sebagai ahli dalam badan-badan profesional.

Dari segi **pemantauan**, Fakulti menyediakan pelbagai platform untuk memastikan mutu perkhidmatan, infrastruktur, fasiliti dan teknologi supaya dapat menampung keperluan pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran. Bagi memastikan kepuasan hati staf terhadap persekitaran kerja, beberapa inisiatif dijalankan termasuklah pelaporan manual atau dalam talian, audit sendiri, mesyuarat MPE dan Penilaian Kualiti Prestasi pengurusan kanan fakulti. Pihak FPG juga telah menyediakan platform aduan pelanggan, iaitu secara manual (menggunakan borang maklum balas, aduan secara verbal atau melalui panggilan telefon kepada pegawai aras), melalui email, atau secara atas talian (melalui e-aduan fasiliti dan e-aduan ICT). Untuk menjaga kebajikan dan kesihatan staf, serta memastikan pematuhan protokol pengoperasian, Jawatankuasa Kesihatan & Keselamatan Pekerja telah ditubuhkan di peringkat fakulti bagi mengambil alih peranan Unit Pengurusan Risiko. Pihak fakulti juga telah melakukan beberapa perolehan aset sebagai langkah siap siaga sekiranya terdapat kecemasan dikalangan staf, pelajar, pesakit dan juga pelawat.

Dari segi **penambahbaikan**, Fakulti sentiasa proaktif terhadap keperluan sumber manusia terutama staf sokongan di bahagian klinikal. Kengkangan kewangan universiti serta waran perjawatan yang terhad tidak menjadi halangan kepada fakulti untuk menambah jumlah staf sokongan klinikal yang amat kritikal. Melalui *Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP)*, fakulti telah mengambil inisiatif menggunakan sumber dana dalaman sendiri bagi menawarkan pekerjaan kepada para belia yang menganggur. Bagi memantapkan lagi pembangunan sumber manusia, fakulti telah membangunkan rubriks khas yang digunakan untuk penilaian prestasi dan pemilihan calon bagi anugerah perkhidmatan cemerlang dalam

kalangan staf akademik.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pergigian mempunyai lima (5) bahagian utama yang menjalankan fungsi yang terdiri daripada Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Jaringan Industri, Perkhidmatan Klinikal dan juga Pengurusan Sumber Manusia.

Dalam tahun 2024, FPG mempunyai seramai 230 orang staf yang terdiri daripada 116 orang staf akademik dan 114 orang staf pentadbiran. Daripada 116 orang staf akademik, seramai 105 orang staf adalah terdiri daripada staf tetap manakala 11 orang adalah merupakan staf kontrak warganegara dan bukan warganegara.

Fakulti Pergigian telah mengambil pendekatan untuk mengambil lebih ramai pensyarah antarabangsa yang pakar dalam bidang pergigian bagi membantu meningkatkan PI Fakulti termasuk Penyelidikan, Penerbitan dan juga Pengkomersilan. Pendekatan Fakulti Pergigian ini telah berjaya membawa kejayaan kepada fakulti bila dinobatkan tempat pertama dalam **ANUGERAH KECEMERLANGAN PRESTASI UNIVERSITI (AKPU) 2023, - Anugerah Staf Akademik Antarabangsa Tertinggi.**

**Rajah 5.2** menunjukkan perancangan Pengurusan Sumber Manusia Fakulti Pergigian yang merupakan antara asset terpenting di setiap pusat tanggungjawab. Fakulti Pergigian menggunakan tiga pendekatan yang terdiri daripada “**OBTAIN**”, “**TRAIN**” dan “**RETAIN**” dalam merancang serta memastikan kepakaran dan tenaga kerja mahir dioptimumkan sepenuhnya. Model Pengurusan Sumber Manusia ini bermatlamat dalam perolehan sumber manusia di samping untuk meningkatkan kecemerlangan dan bakat staf selaras dengan ESI dan i-DART universiti yang memfokuskan kepada kecemerlangan, sinergi dan juga integriti warga UiTM.

Fakulti Pergigian yang terletak di dalam skop pentadbiran Kampus UiTM Cawangan Selangor (UCS) adalah merupakan salah satu dari tiga (3) buah fakulti di UCS yang diberi kuasa autonomi dalam melaksanakan proses perolehan atau pengambilan dan pelantikan staf akademik.

Melalui pendekatan “**OBTAIN**”, FPG akan memastikan setiap calon yang diambil sebagai tenaga pengajar adalah mereka yang berpengalaman sama ada dalam bidang klinikal, penyelidikan mahupun penulisan bagi memastikan kesinambungan mutu pengajaran kepada pelajar dapat dikekalkan.

Setelah mendapatkan calon yang sesuai, pihak fakulti akan memastikan mereka ini dilatih - “**TRAIN**”, dalam bidang pengajaran & pembelajaran (P&P), selain memastikan mereka aktif dalam penyelidikan dan penulisan. Mereka ini akan diletakkan di bawah pensyarah pakar bagi melatih dan memberi pendedahan yang lebih komprehensif dalam P&P.

Cara fakulti untuk menggekalkan “**RETAIN**” staf akademik dari berpindah ke organisasi atau institusi lain ialah dengan menyokong mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Kepakaran atau PhD, naik pangkat, dan seterusnya meluluskan permohonan kepakaran. Pensyarah juga digalakkan untuk menghasilkan penyelidikan, penulisan termasuk menghasilkan juga produk inovasi untuk dipertandingkan dan dibentangkan di pertandingan atau konvensyen peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi membantu fakulti meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan pensyarah-pensyarahnya, FPG telah mengambil inisiatif mewujudkan satu program mentoring staf akademik. Melalui program ini, setiap pensyarah muda akan diberikan mentor yang terdiri daripada pensyarah pakar bagi membantu pensyarah muda dalam setiap aspek termasuk pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penulisan, kepakaran, naik pangkat dan sebagainya.

Selain program mentoring, Fakulti turut mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang penulisan melalui inisiatif mewujudkan Program Mini Sabatikal bagi mendorong staf akademik menjalankan penulisan manuskrip dan penerbitan

jurnal berimpak dengan berkesan bagi memastikan hasil penyelidikan disampaikan tepat pada masanya sebagai sumbangan kepada fakulti dan juga untuk perkembangan kerjaya individu.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_S01\\_SB02\\_20251\\_Fungsi FPG.pdf](#)
2. [F0037\\_S01\\_SB02\\_20252\\_model HR FPG \(1\).pdf](#)
3. [F0037\\_S01\\_SB02\\_20253\\_Jumlah Staf FPG 2024.pdf](#)
4. [F0037\\_S01\\_SB02\\_20254\\_Anugerah Staf Akademik Antarabangsa Tertinggi.pdf](#)
- 5.

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak Pengurusan Fakulti Pergigian telah memainkan peranannya dalam membangunkan dan meningkatkan kualiti sumber manusianya melalui beberapa pendekatan. Antaranya ialah melalui latihan dan peningkatan kerjaya pensyarah dan staf sokongan. Dan bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan penciptaan inovasi canggih, FPG amat menggalakkan para akademiknya untuk menyertai pertandingan sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Berdasarkan Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA Bilangan 02 Tahun 2022, semua staf akademik telah sedia maklum bahawa antara kualiti pencapaian staf akademik yang dinilai bermula tahun 2022 adalah dari aspek kuantiti dan jenis hasil penerbitan.

Fakulti Pergigian memandang secara positif berkenaan ketetapan pekeliling baharu ini dan sentiasa berusaha untuk membantu universiti ke arah mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi terbaik dan setanding dengan universiti-universiti bertaraf dunia yang lain. Sehubungan dengan itu bermula awal tahun 2023, Fakulti Pergigian telah merangka pelbagai inisiatif yang agresif untuk menghasilkan *output* dalam aspek penyelidikan dan penerbitan yang lebih mantap dan berfokus. Antaranya adalah pemberian insentif seperti geran dalaman, pengendalian bengkel penulisan secara bersasar, dan lain-lain lagi.

Bagi tahun 2024, jumlah *Key Performance Indicator (KPI)* yang telah diterima oleh Fakulti Pergigian bagi hasil penerbitan adalah amat mencabar. Untuk makluman, Fakulti Pergigian telah diberi pertambahan secara purata sebanyak 84.3% peratus bagi KPI penerbitan jika dibandingkan dengan KPI bagi tahun 2022.

Antara salah satu misi yang ingin dicapai oleh fakulti ialah untuk menyediakan penyelidikan canggih dalam bidang pergigian serta perubatan mulut. Ia menjadi satu tanda aras dalam kalangan staf untuk menghasilkan inovasi dan mengetengahkan idea-idea kreatif. Penglibatan staf Fakulti dalam pelbagai aktiviti penyelidikan dan seterusnya menghasilkan inovasi sehingga memenangi anugerah pingat emas atau lain-lain pingat di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, memperlihatkan komitmen dan kesungguhan Fakulti terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan.

Strategi-strategi yang dimulakan untuk mengukuhkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di fakulti telah dirancang dengan teliti berdasarkan keperluan ahli fakulti. Melalui maklum balas yang diterima daripada staf akademik terutamanya yang berada dalam Trek Pengajaran dan Pembelajaran, rata-rata memberi maklum balas bahawa kekangan utama mereka sebenarnya adalah faktor masa. Jumlah jam mengajar yang tinggi menyukarkan mereka untuk memberi tumpuan kepada kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan.

Melalui kepakaran yang diperolehi oleh para pensyarah, terdapat dari kalangan mereka yang telah mendapat pengiktirafan melalui lantikan sebagai Ahli Jawatankuasa serta Ahli Majlis dalam Badan-Badan Profesional sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Jelas menunjukkan bahawa melalui lantikan ini, pensyarah fakulti diberi pengiktirafan dan berkebolehan untuk menerajui badan profesional yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Ramai dari kalangan pensyarah fakulti yang terlibat sebagai penceramah dalam beberapa konferensi serta webinar yang diadakan oleh badan-badan profesional dalam dan luar negara.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_S01\\_SB03\\_20251\\_MYRA Section G 2024\(Pindaan\).xlsx - G2\(b\)\\_Int Staff Involve.pdf](#)

2. [F0037\\_S01\\_SB03\\_20252\\_Senarai GeranFakulti Pergigian 2022-2024.xlsx - 2024.pdf](#)
3. [F0037\\_S01\\_SB03\\_20253\\_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2024 - 12 SIGNED afa.pdf](#)
4. [F0037\\_S01\\_SB03\\_20254\\_MYRA Section G 2024\(Pindaan\).xlsx - G3\\_Int\\_Membership.pdf](#)
5. [F0037\\_S01\\_SB03\\_20255\\_MYRA Section B AWARD\\_RECOGNITION-2024\(verified\).xlsx - B4\(f\)\\_Other Research Awards.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Tahap kepuasan hati staf terhadap persekitaran dan sistem kerja**

Kepuasan hati staf terhadap persekitaran kerja adalah elemen penting yang akan memberi impak kepada prestasi dan produktiviti staf. Antara perkara yang mempengaruhi tahap kepuasan pekerja adalah kemudahan infrastruktur dan infrastruktur yang disediakan oleh universiti seperti ruang kerja yang **kondusif**, penggunaan peralatan yang bersesuaian, dan penggunaan teknologi dalam proses kerja.

Oleh itu, Fakulti Pergigian sangat mengambil berat dan amat prihatin dalam memastikan tahap kepuasan hati semua staf terhadap persekitaran dan memastikan sistem kerja adalah pada tahap yang memuaskan. Antara kaedah penilaian **menyeluruh** yang digunakan untuk mengukur kepuasan hati staf termasuklah melalui pelaporan manual atau dalam talian, audit sendiri, Mesyuarat Pengurusan Dalaman dan Penilaian Kualiti Prestasi pengurusan kanan fakulti.

Melalui sistem-sistem yang disediakan oleh pihak universiti seperti sistem e-aduan dan Aduan ICT (UNITS UiTM), staf boleh membuat aduan berkaitan dengan masalah infrastruktur dan juga infrastruktur yang berlaku di bahagian masing-masing.

#### **Proses aduan maklumbalas pelanggan**

Aduan maklum balas pelanggan dalam staf fakulti akan dikenalpasti dan diberi keutamaan bagi memastikan kepuasan pelanggan tercapai. Pihak Fakulti Pergigian telah menyediakan platform aduan pelanggan secara menyeluruh di mana aduan boleh dibuat secara manual atau melalui dalam talian. Aduan secara manual boleh dibuat melalui pengisian borang, aduan secara verbal atau melalui panggilan telefon kepada pegawai aras atau aduan melalui email. Aduan dalam talian untuk persekitaran dan sistem kerja boleh diajukan di platform e-aduan fasiliti dan e-aduan ICT secara dalam talian di laman web fakulti. Sasaran e-aduan kepuasan hati pelanggan terhadap pengurusan FPG adalah usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi infrastruktur, fasiliti dan teknologi bagi memastikan pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran di fakulti berjalan lancar.

Jika aduan yang dimajukan tidak diambil perhatian, warga staf boleh memajukan nombor e-aduan dari portal kepada Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) fakulti bagi e-aduan fasiliti. Manakala e-aduan ICT yang berlanjutan boleh dirujuk kepada Pegawai Teknologi Maklumat fakulti untuk tindakan lanjut.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_fasiliti.pdf](#)

2.

3.

4.

5.

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pergigian telah melaksanakan pengemaskinian maklumat daftar risiko jabatan menggunakan sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) agar semakan dan pemantauan berkala dapat dilaksanakan.

Melalui Jawatankuasa Risiko Fakulti yang dilantik, FPG telah berusaha mengurangkan ketidakpastian yang mungkin berlaku daripada perubahan dalam pengurusan sumber manusia dan pelbagai isu-isu tenaga kerja yang boleh memberi kesan kepada keupayaan untuk memenuhi objektif dan operasi di Fakulti Pergigian.

Antara halangan utama bagi mencapai objektif dan KPI yang ditetapkan adalah:

### 1. Risiko Sumber Manusia:

- Kekurangan staf dan pengisian semula staf yang meletak jawatan / bersara terutama Kekurangan Bilangan Pembantu Pembedahan Pergigian (DSA) dan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)
- Proses pelantikan perjawatan yang rumit menyebabkan calon menerima tawaran lain

### 2. Risiko Pembuangan Sisa Kimia dan Pepejal

Amalan Pembuangan Jarum /Sisa Bahan Biologi/Klinikal Terjadual di Makmal Penyelidikan dan Klinik - proses penggunaan dan pembuangan sisa kimia berbahaya yang tidak mengikut prosedur Akta Buangan dan Pelabelan Sisa Bahan Terjadual

### 3. Risiko Kesihatan

- Pengudaraan dan Kulat - Kelembapan dan kulat di bangunan ruang makmal dan klinikal memberi impak kepada kesihatan pekerja serta kualiti peralatan makmal dan klinikal.

### 4. Risiko Kekurangan Dana

Kekangan Peruntukkan Pengurusan bagi penyelenggaraan peralatan /kontrak perkhidmatan - penangguhan proses penyelenggaraan peralatan aset oleh vendor

Antara tindakan-tindakan penambahbaikan yang dijalankan bagi mencapai objektif dan sasaran pengurusan sumber manusia ialah:

### 1. Risiko Sumber Manusia:

- Menggunakan staf sedia ada untuk bertanggungjawab/bertugas lebih dari 1 lokasi / unit untuk 1 hari
- Permohonan melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Perjawatan melalui Pejabat Pendaftar kepada agensi Pusat

### 2. Risiko Pembuangan Sisa Kimia dan Pepejal

- Taklimat kesedaran pelabelan dan pembuangan sisa biologi, kimia , klinikal (pepejal & cecair) kepada staf makmal dan pelajar secara intensif (orientasi pelajar baharu)
- Memupuk Pengetahuan berkaitan Pengurusan Sisa dan Bahaya dengan E-training Safety untuk membenarkan kemasukan ke makmal penyelidikan.

### 3. Risiko Kesihatan

Melakukan pemeriksaan sistem LEV bangunan keseluruhannya oleh Pakar Hygiene Tech 2 dan seterusnya tindakan pembetulan hasil laporan / penyelenggaraan berkala LEV dan rawatan anti kulat dan fumigasi

### 4. Risiko Kekurangan Dana

- Penggunaan dana mengikut keperluan utama
- Menggunakan sumber dari Tabung Amanah Fakulti (Klinikal) bagi menampung perbelanjaan pembelian peralatan klinikal

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_Laporan eRMS \(updated Dis 2023\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah sangat penting bagi memastikan hasil kerja yang cemerlang. Bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif, segala kerja perlu diatur dengan strategik dan setiap kekurangan yang ada dalam sistem kerja perlu diperbaiki.

Selain itu, semasa berkala berkenaan pengurusan fasiliti serta mengoptimumkan penggunaan aset selaras dengan keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan yang kondusif juga sentiasa menjadi perhatian Fakulti.

Pihak fakulti pergigian sentiasa berusaha meningkatkan kualiti persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif secara berkala. Antara penambahbaikan yang dilakukan oleh fakulti pergigian dalam memastikan persekitaran kerja yang kondusif adalah dengan menambah bilik para pensyarah di bangunan baharu tingkat lima fakulti bagi menampung bilangan para pensyarah yang bertambah.

Bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif khususnya bagi tujuan penyelidikan, FPG telah membangunkan unit atau makmal sebagai tempat untuk pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar pasca siswazah sebelum memulakan penyelidikan.

Kemudahan ini juga dibangunkan sebagai penghubung untuk mencapai jaringan integrasi penyelidik klinikal yang berpengalaman di samping menyediakan subjek yang berpotensi bagi penyelidik fakulti dan juga para penyelidik universiti. Ia juga membantu fakulti menjana pendapatan melalui perkhidmatan ujian klinikal selain digunakan untuk tujuan penyelidikan.

Fakulti Pergigian juga telah mengambil tindakan yang efisien terhadap maklum balas sumber manusia yang terbahagi kepada tiga iaitu fokus kepada infrastruktur, infostruktur dan kebajikan warga fakulti. **Jadual 5.4.3 (a)** adalah ringkasan tindakan yang diambil oleh fakulti bagi ketiga-tiga fokus tersebut.

Pihak fakulti sentiasa peka dengan aduan dan maklumbalas daripada staf, pelajar mahupun pesakitnya. Segala masalah yang dianggap serius dan tidak dapat diselesaikan oleh pihak fasiliti kampus akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Dalaman Fakulti untuk dibincangkan bersama dengan bahagian-bahagian yang terlibat. Pihak fakulti juga tidak pernah mengamalkan sikap tunggu dan lihat apabila menerima aduan atau maklumbalas sumber manusianya. Bagi menangani masalah kekurangan dana universiti untuk penyelenggaraan dan pembaikan, fakulti telah mengambil inisiatif membaiki kerosakan-kerosakan kecil dengan menggunakan dana dalaman sendiri melalui dana dari Tabung Amanah Fakulti. Inisiatif tersebut diambil bagi memastikan semua pihak termasuk staf, pelajar dan juga pesakit sentiasa selesa dan staf dapat bekerja di dalam persekitaran yang kondusif dan selamat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_kemudahan.pdf](#)
2. [F0037\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_infrostruktur.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak Pengurusan Fakulti Pergigian telah membangunkan beberapa sistem dalam memantapkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Antara **sistem** dan **inovasi** yang telah dilaksanakan adalah :

1. **Penggunaan rubriks khas Fakulti Pergigian** untuk senarai pendek penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi warga staf akademik. Antara kriteria yang diambil kira adalah:

- Staf Akademik yang mempunyai jumlah serta hasil penerbitan yang baik dan paling tinggi; (Staf dinilai berdasarkan penghasilan bahan penerbitan yang bermutu yang bertaraf Scopus atau Hi-Index serta kekerapan penerbitan dihasilkan)
- Staf Akademik yang mempunyai jumlah serta hasil dari geran penerbitan yang baik dan paling banyak dari segi nilai geran; (Staf dinilai berdasarkan kepada jumlah geran yang paling tinggi diperolehi dalam tahun yang dinilai)
- Staf Akademik yang memberikan sumbangan luar tugas hakiki yang banyak kepada aktiviti peringkat fakulti, universiti, komuniti dan lain-lain (CSR/ program khidmat masyarakat/ lain-lain); (Markah akan diberi berdasarkan kepada kekerapan pensyarah menyertai dan terlibat dalam program khidmat masyarakat)
- Staf Akademik yang melibatkan diri dalam program/ seminar/ konferensi/ lain-lain; (Penglibatan aktif pensyarah di dalam menghadiri dan membenteng kertas kerja di dalam konferensi atau seminar dalam dan luar negara juga akan diambil kira semasa penilaian APC Fakulti Pergigian)
- Staf Akademik yang memenangi anugerah inovasi (antarabangsa/ luar universiti/ kebangsaan/universiti); (Penyelidikan pensyarah yang memenangi anugerah inovasi juga akan diberi markah berdasarkan kepada peringkat pertandingan)
- Staf Akademik yang memenangi anugerah inovasi (khas);
- Staf Akademik yang memenangi anugerah lain/ pertandingan; dan
- Staf Akademik yang melaksanakan tugas pentadbir (tanpa elaun).

Pensyarah akan dinilai oleh Ketua Bahagian (HOD) dan seterusnya akan dibawa ke Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Fakulti Khas.

Melalui penambahbaikan dalam sistem penilaian untuk pemberian APC ini, Fakulti Pergigian telah menanamkan satu budaya yang sihat dalam kalangan warganya terutama para pensyarahnya. Perlaksanaan ini telah mewujudkan satu sistem yang telus yang digunapakai untuk pemilihan pekerja paling cemerlang di Fakulti Pergigian. Melalui sistem pemilihan ini, Fakulti dapat memastikan bahawa staf yang dipilih sebagai penerima APC adalah yang benar-benar layak melalui merit yang tinggi dan bukan sekadar dipilih mengikut citarasa pengurusan atau dasar pilih kasih.

Fakulti cuba untuk mewujudkan satu budaya dan persaingan yang sihat dalam kalangan staf terutama staf akademik, selain memberi peluang kepada staf untuk menghasilkan penerbitan, penyelidikan serta inovasi yang bermutu tinggi sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa.

Inovasi yang terhasil tersebut bertujuan untuk memantapkan aspek penyelidikan dan penerbitan ke arah penyelidikan yang berimpak tinggi agar menjadi satu budaya penyelidikan yang sentiasa diamalkan oleh semua staf Fakulti Pergigian terutama para pensyarahnya.

Selaras dengan pembudayaan aktiviti Penyelidikan, Penerbitan dan Perkomersilan di Fakulti Pergigian, pihak pengurusan fakulti telah menunjukkan penghargaan selain memberikan

pengikuraran kepada staf dalam beberapa kaedah. Antaranya pemberian sijil, pemakluman dan ucapan tahniah kepada pensyarah yang mempunyai hasil penyelidikan dan penulisan tertinggi melalui Majlis Apresiasi Staf dan juga penguar-uaran melalui emel dan media sosial Fakulti Pergigian.

Walau bagaimanapun bagi para pensyarah yang kurang atau tidak menghasilkan sebarang penulisan dalam tahun semasa pula akan dibantu dan diberi bimbingan melalui bengkel-bengkel penulisan yang dianjurkan oleh fakulti.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_S01\\_SB05\\_20251\\_integerasi.pdf](#)
2. [F0037\\_S01\\_SB05\\_20252\\_MYRA Section B AWARD\\_RECOGNITION-2024\(verified\).xlsx - B4\(a\)\\_Awards International.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian UiTM Kampus Sungai Buloh telah melaksanakan model operasi penyelidikan berasaskan pendekatan PDCA (**Plan-Do-Check-Act**) bagi meningkatkan kecemerlangan penyelidikan secara strategik dan berterusan. Di bawah fasa **Perancangan (Plan)**, fakulti telah **membentuk hala tuju penyelidikan dengan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama: Biomaterial dan Teknologi Oral, Kesihatan Awam serta Pendidikan Pergigian, dan Penyelidikan Translasi Klinikal**. Penetapan KPI tahunan melibatkan bilangan geran diperoleh, jumlah dana, penerbitan Q1/Q2, harta intelek serta sasaran Top 2% World Scientist . Selain itu, perancangan strategik penyelidikan Fakulti bersasarkan Skor Strategik tahunan Myra UiTM dan selari dengan Performance Indicator (PI ) UiTM 2025 serta Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dalam fasa **Pelaksanaan (Do)**, beberapa jawatankuasa penting ditubuhkan termasuk **Jawatankuasa Penyelidikan, Etika Penyelidikan, dan Etika Haiwan**. Selain itu bagi meningkatkan penerbitan artikel di kalangan staf akademik, **Jawatankuasa Jurnal Compendium of Oral Science telah ditubuhkan semenjak 2017**.

Pelbagai aktiviti dan program dilaksanakan bagi pengukuhan kecemerlangan penyelidikan di Fakulti seperti bengkel Penulisan Proposal FRGS 2023, Bengkel Jawatankuasa Etika Penyelidikan, Latihan Biokeselamatan dalam Penyelidikan dan Bengkel Penulisan jurnal berimpak tinggi 2024. Bagi memperkukuh sokongan teknikal, fasiliti makmal diselenggara dengan baik secara tahunan untuk pengaktifan pensijilan AKKP peralatan dan setiap staf makmal penyelidikan sentiasa aktif meningkatkan kemahiran dalam aspek pengurusan bahan kimia dan keselamatan makmal serta kemahiran khusus dalam peralatan berteknologi. Fakulti juga menggalakkan kolaborasi antara pusat kecemerlangan (CoE) dan institusi luar negara, termasuk perlantikan staf akademik sebagai felo penyelidikan.

**Fasa Semakan (Check) pula memberi tumpuan kepada pemantauan kemajuan projek dan prestasi penyelidik**. Audit separuh tahun dilaksanakan untuk menilai projek geran, manakala pemarkahan KPI tahunan digunakan untuk menilai produktiviti penyelidik. Laporan MyRA menjadi panduan utama dalam menilai output geran, penerbitan, inovasi, penglibatan pelajar pascasiswazah dan impak terhadap komuniti.

Akhir sekali, bagi fasa **Tindakan (Act)**, fakulti telah melaksanakan inisiatif pengiktirafan seperti Hebahan poster penghargaan kepada staf yang mempunyai penerbitan terbanyak dan inovasi penyelidikan terbaik pada tahunan. Inisiatif ini bertujuan memupuk budaya penyelidikan dan mendorong persaingan sihat dalam kalangan warga akademik. Penambahbaikan berterusan ini dilihat sebagai langkah penting untuk menyokong pertumbuhan penyelidikan yang mampan dan berkualiti tinggi.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### Perlaksanaan Operasi Penyelidikan dan Penerbitan

Sebagai usaha untuk meningkatkan kecemerlangan operasi dalam bidang tumpuan penyelidikan, Fakulti Pergigian UiTM telah melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan berterusan yang bersifat strategik dan menyokong budaya penyelidikan berimpak tinggi.

**Penganjuran Simposium Penyelidikan** secara tahunan iaitu Dental Student Scientific Symposium semenjak 2008 dan Postgraduate Scientific Symposium pada 2024 adalah menyasarkan kepada peningkatan hasil penyelidikan dan penerbitan oleh pelajar dan pensyarah yang berpotensi komersil dan berimpak tinggi.

**Penajaan Yuran Penyertaan Pertandingan Inovasi** iaitu IIDEX 2022 sehingga 2024 kepada 10 projek berpotensi mendapat anugerah Projek Inovasi Penyelidikan usaha ini sebagai bentuk galakan berterusan terhadap inovasi penyelidikan staf akademik.

Selain itu, fakulti turut memperkenalkan **Program Mentor-Mentee Penyelidikan**, di mana pensyarah kanan bertindak sebagai pembimbing kepada pensyarah muda dalam pembangunan proposal geran penyelidikan, khususnya geran kompetitif peringkat kebangsaan. Program ini bukan sahaja meningkatkan kualiti permohonan geran, malah turut membina jaringan kolaborasi dalaman yang lebih kukuh.

Selaras dengan keperluan memberi ruang kepada staf untuk menghasilkan karya ilmiah, fakulti telah memperkenalkan **Inisiatif Tumpuan Penulisan "Mini Sabatikal"**, iaitu pemberian tempoh khusus bagi staf akademik menumpukan masa kepada aktiviti penulisan artikel jurnal, laporan geran dan penyediaan dokumen penyelidikan.

Bagi menyokong penyelidik aktif di fakulti, satu lagi inisiatif penting ialah pelaksanaan **Program Student Internship**, yang membolehkan pelajar praktikal membantu dalam pelaksanaan projek penyelidikan saintifik dan klinikal sambil menerima latihan langsung dalam metodologi penyelidikan dalam klinikal pergigian.

Akhir sekali, bagi menggalakkan perbincangan ilmiah secara berkala, **Program Journal Club** telah diperkenalkan dan dikendalikan oleh setiap pusat pengajian di fakulti. Program ini membolehkan pensyarah berkongsi dan membedah kandungan artikel jurnal terkini, sekali gus meningkatkan literasi penyelidikan dan pendedahan kepada topik-topik baharu dalam bidang pergigian.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_O01\\_OB02\\_20251\\_Tentative v2\\_compressed.pdf.pdf](#)
2. [F0037\\_O01\\_OB02\\_20252\\_ACTIVITY SCHEDULE THROUGHOUT THE 14TH INTERNATIONAL DENTAL STUDENT'S SCIENTIFIC SYMPOSIUM 2024 PROGRAM.pdf](#)
3. [F0037\\_O01\\_OB02\\_20253\\_Surat dan Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan Mini Sabatikal Penerbitan Fakulti Pergigian - MEU \(1\).pdf](#)
4. [F0037\\_O01\\_OB02\\_20254\\_UiTM-Clinical-Resident-Internship\\_Form\\_2020.pdf](#)
5. [F0037\\_O01\\_OB02\\_20255\\_LOU IIDEX 2024 \(2\).pdf](#)

## 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### Pemantauan Operasi Geran Penyelidikan

**Pemantauan terhadap pelaporan kemajuan geran penyelidikan dijalankan secara berkala** oleh pihak Research Management Centre (RMC) dan Pejabat Penyelidikan Fakulti, iaitu **sebanyak dua kali setahun**. Tujuan utama pemantauan ini adalah untuk memastikan bahawa penyelidik yang menerima geran masih aktif melaksanakan projek penyelidikan mereka seperti yang dirancang. Selain itu, pemantauan ini juga bertujuan memastikan segala perbelanjaan yang dilakukan adalah telus, berhemah, dan mematuhi sepenuhnya prosedur kewangan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Melalui pemantauan ini, sebarang isu kelewatan, ketidakpatuhan atau kekangan pelaksanaan projek dapat dikenalpasti lebih awal dan tindakan penambahbaikan boleh diambil segera bagi menjamin kelangsungan serta keberkesanan penggunaan dana penyelidikan.

### Pemantauan Operasi Staf Akademik Denominator

Pemantauan terhadap pensyarah yang berstatus Denominator turut diberikan perhatian serius oleh pihak Fakulti. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah penganjuran **Kursus “Write & Publish”** yang dianjurkan khusus untuk membantu pensyarah dalam senarai Denominator meningkatkan prestasi penyelidikan dan penerbitan mereka. Melalui kursus ini, pensyarah didedahkan kepada teknik penulisan akademik yang berkesan, strategi penerbitan jurnal berindeks, serta bimbingan secara langsung daripada pensyarah berpengalaman atau pakar dalam bidang penulisan ilmiah. Usaha ini diharap dapat melonjakkan kualiti dan kuantiti penerbitan pensyarah serta seterusnya mengurangkan jumlah pensyarah yang kekal dalam kategori Denominator.

### SENARAI BUKTI :

1. [F0037\\_O01\\_OB03\\_20251\\_pemantauan emel TD PJI.pdf](#)
2. [F0037\\_O01\\_OB03\\_20252\\_write & publish 2024.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Hasil Pelaksanaan daripada inisiatif strategik Penyelidikan , Penerbitan dan Pengkomersilan

#### **A.Pencapaian Operasi Penerbitan :**

##### **Journal Compendium Oral Science**

Jurnal Compendium of Oral Science (COS) merupakan jurnal rasmi Fakulti Pergigian Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diterbitkan secara berkala dalam format bercetak dan dalam talian. Jurnal ini memberi tumpuan kepada penerbitan artikel ilmiah dalam bidang kesihatan oral, sains mulut, dan teknologi pergigian. Ia berperanan sebagai platform utama bagi ahli akademik dan pelajar, khususnya dalam kalangan warga fakulti, untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka yang berkualiti. Antara jenis artikel yang diterbitkan termasuklah artikel ulasan (review), artikel penyelidikan asli (original), ulasan sistematik (systematic review), dan laporan kes (case report), dengan setiap jenis penulisan mengikuti struktur penulisan akademik yang standard seperti abstrak, pengenalan, metodologi, keputusan, perbincangan dan rujukan.

Jurnal ini diindeks dalam pangkalan data MyJurnal dan MyCite, menjadikannya sumber rujukan akademik yang diiktiraf di peringkat kebangsaan. Melalui penerbitan jurnal ini, Fakulti Pergigian UiTM dapat memupuk budaya penyelidikan dan penerbitan ilmiah dalam kalangan pensyarah serta pelajar, di samping memperkukuh kedudukan universiti dalam bidang pergigian di peringkat tempatan dan antarabangsa. (Lampiran bukti editorial board JCOS)

#### **B.Pencapaian Operasi Pengkomersilan Inovasi Penyelidikan**

Sehingga 2024 , bilangan paten rasmi yang telah difailkan oleh staf Fakulti Pergigian UiTM Kampus Sungai Buloh hanya satu paten telah dikenal pasti secara rasmi iaitu oleh **Dr. Nagham Mohammed Abdullah pada tahun 2022. Beliau telah menerima kelulusan paten untuk inovasi berjudul “A Palatal Protective Cover”**, yang difailkan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Inovasi ini dikategorikan sebagai perlindungan alat intraoral dalam rawatan pergigian dan telah disenaraikan dalam laporan penilaian paten UiTM.

Selain daripada paten, terdapat juga beberapa inovasi berkaitan pergigian yang diketengahkan melalui pertandingan inovasi seperti IIDEX. Sebagai contoh, satu produk dikenali **sebagai “ORALBIOSENS: A Biosensing Detection Tool for Oral Cancer” telah memenangi pingat perak pada IIDEX 2024**. Walaupun inovasi ini belum dipatenkan secara rasmi, ia berpotensi untuk difailkan sebagai paten atau inovasi kegunaan (utility innovation).

#### **C.Pencapaian Anugerah Inovasi Penyelidikan**

1. Anugerah Diamond Awards Best Contingent Fakulti Pergigian :IIDEX 2024
2. Anugerah Gold Award : OMIS ISQ -Compatible Verifier for Orthodontic Mini Implant Stability : IIDEX 2024
3. Johan Product Pitching Award : IIDEX 2024
4. Gold Award ; Invention LASK UiTM di SEOUL INTERNATIONAL INVENTION FAIR 2024

#### **D.Pencapaian Operasi Penyelidikan jaringan Industri**

1. Micro Industry Hub (MIH)

Ketua Penyelidik : **Dr Nur Aliana Hidayah Mohamad**

2. SKIM GERAN PENYELIDIKAN PROGRAM PADANAN INDUSTRI (IMaP) IMAP 2024 : RM 237, 384.00

Ketua Penyelidik : **Dr Nur Aliana Hidayah Mohamad**

3. SKIM GERAN PENYELIDIKAN PROGRAM PADANAN INDUSTRI (IMaP) IMAP 2024 :

Ketua Penyelidik : Prof Dr Mohd Yusmiaidil Putera Mohd Yusof

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_SCN\\_0004.pdf](#)
2. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_iidex2024\\_78012002615004.pdf](#)
3. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_iidex Diamond Contigent Dentistry.pdf](#)
4. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_Paten 2022- dr naghham.pdf](#)
5. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20255\\_industry geran.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Operasi Risiko bagi Fakulti adalah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti Pergigian yang melibatkan pelbagai aspek risiko.

Pelaporan daftar risiko bagi setiap isu risiko akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF).

### PENGURUSAN OPERASI RISIKO PENYELIDIKAN

#### 1. Pengenalpastian Risiko

Fakulti mengenal pasti potensi risiko yang boleh menjejaskan:

- Keselamatan makmal dan klinikal (bahan kimia, alat tajam, sinaran, patogen biologi).
- Kepatuhan etika (terutama bagi penyelidikan melibatkan manusia seperti pesakit). (lampiran contoh Minit ERC)
- Kelewatan projek akibat masalah sumber, kerjasama penyelidik, atau pembelian peralatan.
- Kegagalan pematuan prosedur kewangan geran.
- Risiko keselamatan data & kerahsiaan pesakit dalam kajian klinikal.

#### 2. Penilaian dan Pengelasan Risiko

Risiko dinilai berdasarkan kebarangkalian (likelihood) dan impak (impact) menggunakan matriks risiko:

- Risiko Rendah – tidak mengganggu operasi, boleh dikawal dalaman.
- Risiko Sederhana – memerlukan tindakan pengawasan dan pencegahan berkala.
- Risiko Tinggi – memerlukan pelaporan kepada RMC atau pihak berkuasa universiti dan pelan mitigasi segera.

#### 3. Strategi Kawalan dan Pencegahan

- Latihan & SOP makmal penyelidikan (keselamatan, pelabelan bahan kimia, pelupusan sisa). (lampiran Feedback User)
- Kelulusan awal oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan UiTM (REC UiTM) dan Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Fakulti.
- Pemantauan geran secara berkala oleh Pejabat Penyelidikan dan RMC.
- Audit penggunaan dana dan semakan terhadap pematuan prosedur perolehan UiTM oleh pihak Bendahari dan Rektor.
- Penyimpanan data & fail kajian yang selamat (data digital disandarkan; data pesakit disulitkan).

#### 4. Dokumentasi dan Pelaporan

- Risiko dinyatakan dalam Proposal Penyelidikan dan borang penilaian risiko (contohnya, semasa permohonan geran).
- Laporan insiden atau pelanggaran (jika berlaku) akan didokumentasikan dan dikaji semula dalam Daftar Risiko

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_Minit MPF - Pembentangan Risiko.pdf](#)
2. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20252\\_Minit MPF - Pembentangan Risiko.pdf](#)

3. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20254\\_Research\\_Equipment\\_and\\_Training\\_Surveys\\_Survey\(1-282\)\\_3.pdf](#)
4. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20254\\_Faculty of Dentistry, UiTM - Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti 2023%2F2025.pdf](#)
5. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20255\\_Minute ERC 03\\_2025.pdf](#)

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan Penambahbaikan (Act) bagi peningkatan dalam operasi dan kecemerlangan penyelidikan adalah berpaksi kepada Frasa

**"Menghargai yang cemerlang, menyemarak semangat yang lain."**

a) Inisiatif **pengiktirafan fakulti seperti Hebahan poster** oleh Korporat Fakulti bagi penghargaan kepada staf akademik yang mencapai Top Q1 dan Q2 Penerbitan tahun 2024 dan pencapaian inovasi penyelidikan dalam pertandingan Inovasi pada tahun 2024.

Inisiatif ini bertujuan memupuk budaya penyelidikan dan mendorong persaingan sihat dalam kalangan warga akademik.

Pencapaian Anugerah Staf Akademik Fakulti Pergigian

#### **Anugerah Top 2% World Scientist 2023**

Prof Dato Dr Mohamed Ibrahim Abu Hassan

#### **Anugerah Top Q1 dan Q2 Penerbitan 2024**

1. Assoc. Prof. Dr Norashikin Yusof
2. Assoc. Prof. Dr Budi Aslinie Md Sabri

#### **Young Researcher Award 2024**

1. Dr Rahayu Zulkapli

b) Penambahbaikan berterusan dalam operasi inovasi penyelidikan adalah **penganjuran Fakulti bagi Pertandingan Inovasi yang dikenali sebagai IIIDentEx.**

IIIDentEx (International Invention & Innovation in Dentistry Exhibition) telah berlangsung dari 2019 hingga kini, merupakan platform utama bagi Fakulti Pergigian UiTM mempamerkan dan menghargai inovasi penyelidikan dalam bidang pergigian dan perkhidmatan kesihatan oral.

Pertandingan ini dianjurkan untuk peringkat antarabangsa dan juga merupakan langkah penting untuk menyokong pertumbuhan inovasi penyelidikan pelajar dan pensyarah yang mampan dan berkualiti tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_top q1 q2.pdf](#)
2. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_top 2% world scientist Prof Ibrahim.pdf](#)
3. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_APSAVD 2024 - CERTIFICATE - YIA Oral RunnerUp.pdf](#)
4. [F0037\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20254\\_IIIDentEx2024 Programme Schedule.pdf](#)
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan penyelidikan bermaksud menjadikan aktiviti penyelidikan sebagai sebahagian daripada amalan profesional dan rutin akademik warga fakulti. Ia melibatkan pemikiran kritikal, pemupukan kemahiran saintifik, galakan inovasi, serta sokongan sistematik oleh institusi untuk mencapai kecemerlangan ilmu dan sumbangan kepada masyarakat.

1. Pembangunan Kompetensi Penyelidik
  - Latihan dan bengkel seperti “Write & Publish”, research proposal clinic, dan sesi coaching bagi pensyarah muda.
  - Inisiatif Mentor-Mentee Penyelidikan — pensyarah kanan membimbing pensyarah baharu dalam penulisan geran dan artikel jurnal.
2. Pengurusan dan Pemantauan Geran
  - Pemantauan geran dilakukan oleh Pejabat Penyelidikan Fakulti dan RMC dua kali setahun untuk memastikan kemajuan projek dan pematuhan kewangan.
  - Galakan permohonan geran dalaman (GIP, BESTARI) dan geran luar seperti FRGS, LRGS, dan PRGS.
3. Pengiktirafan dan Insentif
  - Anugerah seperti Anugerah Penerbitan Terbanyak, Anugerah Inovasi Penyelidikan, dan pengiktirafan di majlis tahunan staf.
  - Penghargaan dalam bentuk sijil, hadiah, serta pameran hasil penyelidikan di IIDEX, IIIDentEx dan persidangan dalaman/luar.
4. Penerbitan Ilmiah & Jurnal Dalaman
  - Galakan penerbitan dalam jurnal berindeks (Scopus, WoS, MyCite).
  - Jurnal rasmi fakulti iaitu Compendium of Oral Science (COS) menjadi platform utama penerbitan staf dan pelajar.
5. Keterlibatan Pelajar Pascasiswazah & Klinikal
  - Pelajar Sarjana Pergigian diwajibkan menjalankan penyelidikan klinikal/disiplin serta pembentangan di simposium seperti Postgraduate Research Seminar.
  - Kolaborasi antara pelajar dan pensyarah dalam projek geran penyelidikan
6. Penyertaan Dalam Pameran & Pertandingan Inovasi
  - Seperti IIIDentEx, IIDEX, MTE, dan ITEX — menyemai minat inovasi serta memberi pengiktirafan kepada idea berimpak tinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0037\\_O01\\_OB05\\_20251\\_IIIDentEx2024 Programme Schedule.pdf](#)
2. [F0037\\_O01\\_OB05\\_20252\\_Faculty of Dentistry, UiTM - CONGRATULATIONS! for 1st UiTM Dental Postgraduate S.pdf](#)
3. [F0037\\_O01\\_OB05\\_20253\\_Laporan Program Writing Workshop 2023.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Pengukuhan Jaringan Kolaborasi Strategik Antara Fakulti Pergigian UiTM dan Rakan Antarabangsa & Industri Bagi Memacu Penyelidikan, Inovasi, dan Penerbitan

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pada tahun 2024, Fakulti Pergigian UiTM Sungai Buloh terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Pelaksanaan (MoA) di peringkat antarabangsa dan nasional. Kerjasama ini melibatkan pelbagai rakan kongsi daripada universiti, industri, komuniti, dan agensi kerajaan, dengan skop meliputi penyelidikan akademik, pembangunan teknologi pergigian, inovasi rawatan, serta pengembangan aktiviti ilmiah.

##### **1. Pencapaian Jaringan Antarabangsa**

Fakulti telah menjalin hubungan rasmi dengan beberapa universiti ternama dunia seperti Queen Mary University of London, Temple University (USA), Mahidol University (Thailand), Universitas Airlangga (Indonesia), Health Sciences University of Hokkaido (Jepun), dan lain-lain. Kerjasama ini memberi peluang kepada pensyarah dan penyelidik untuk:

- Mengakses kepakaran global dalam bidang sains pergigian dan teknologi bahan.
- Menjalankan kajian bersama dengan fasiliti makmal bertaraf antarabangsa.
- Menyertai program pertukaran akademik dan mobiliti pelajar yang memperkayakan pengalaman pembelajaran.

Selain itu, kerjasama dengan institusi seperti Straumann Group (Jerman) dan N Dent Sdn. Bhd. mengukuhkan hubungan industri, membolehkan fakulti mendapatkan sokongan teknologi, bahan inovatif, serta peluang latihan industri yang relevan dengan perkembangan semasa.

##### **2. Jaringan Nasional dan Sokongan Ekosistem Penyelidikan**

Di peringkat nasional, fakulti menjalin MOU/MOA dengan institusi rakan seperti IIUM, UKM, USM, UM, UPM, dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Perjanjian ini menyokong:

- Perkongsian data epidemiologi dan klinikal melalui projek penyelidikan berskala besar.
- Kerjasama dalam penyelidikan translasi dan kajian intervensi yang relevan dengan keperluan kesihatan oral negara.
- Perkongsian sumber dan kemudahan makmal berteknologi tinggi untuk kajian inovasi pergigian.

##### **3. Sumbangan kepada Teras i-AKNC**

###### **a. Penyelidikan**

Jaringan MOU/MOA telah membuka ruang kepada pelaksanaan kajian berimpak tinggi, melibatkan kolaborasi antara pensyarah fakulti dan penyelidik antarabangsa. Kajian bersama ini merangkumi topik seperti:

- Inovasi bahan tampalan pergigian bioaktif.
- Pembangunan teknik rawatan periodontik regeneratif.
- Kajian epidemiologi kesihatan oral komuniti rentan.

Kolaborasi membolehkan perkongsian data pelbagai negara, memperluas skop kajian dan

meningkatkan potensi penerbitan dalam jurnal berprestij.

#### **b. Pengkomersilan**

Kerjasama dengan rakan industri seperti Straumann Group, N Dent Sdn. Bhd., dan NOAH Foundation memberi peluang kepada fakulti untuk menterjemahkan hasil penyelidikan kepada produk dan perkhidmatan yang boleh dipasarkan. Antara potensi pengkomersilan termasuk:

- Produk implan pergigian dengan reka bentuk inovatif.
- Peralatan diagnostik mudah alih untuk saringan awal penyakit gusi.
- Perisian sokongan rawatan pergigian digital.

Penglibatan industri dalam penyelidikan bersama memastikan hasil kajian relevan dengan pasaran dan memenuhi piawaian industri antarabangsa.

#### **Penerbitan**

Melalui kerjasama antarabangsa, fakulti telah meningkatkan kapasiti penerbitan ilmiah dalam jurnal berindeks Scopus dan WoS. Penerbitan bersama membolehkan perkongsian kepakaran penulisan akademik, pengaplikasian metodologi penyelidikan terkini, serta peluang untuk meningkatkan sitasi. Kesan langsungnya ialah peningkatan profil akademik fakulti di peringkat global.

#### **4. Kesimpulan Strategik**

Secara keseluruhan, senarai MOU/MOA tahun 2024 membuktikan komitmen Fakulti Pergigian UiTM Sungai Buloh terhadap pemerkasaan tiga komponen utama i-AKNC — **penyelidikan, pengkomersilan, dan penerbitan**. Melalui hubungan erat dengan rakan kongsi strategik dalam dan luar negara, fakulti bukan sahaja memperkukuh kedudukan sebagai pusat kecemerlangan akademik, malah memacu pembangunan inovasi pergigian yang memberi manfaat kepada komuniti dan industri kesihatan oral.

Jalinan ini selaras dengan visi UiTM untuk menjadi universiti unggul bertaraf dunia, di samping menyokong aspirasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0037\\_HB02\\_20251\\_Tahap.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0037\\_HB03\\_20252\\_Tren.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0037\\_HB04\\_20253\\_Tanda Aras.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0037\\_HB05\\_20254\\_Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Inovasi dalam bidang pembelajaran dan Pengajaran, Perkhidmatan kesihatan pergigian dan Penyelidikan

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian UiTM menekankan inovasi dalam tiga bidang teras — **Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan, dan Perkhidmatan Kesihatan Mulut** — dengan tahap pelaksanaannya yang seiring dari segi kedalaman, liputan, dan konsistensi.

**Tahap semasa (Level)** memperlihatkan kewujudan teknologi moden seperti kecerdasan pintar, Big Data analytics dan simulasi pesakit secara maya, dengan menyaksikan tahap penggunaannya meningkat di semua peringkat kursus dan tahun pengajian. Dalam penyelidikan, projek berpotensi komersial telah bermula, walaupun bilangan paten dan penerbitan berimpak tinggi masih boleh dipertingkatkan. Perkhidmatan kesihatan mulut pula menunjukkan amalan inovatif seperti klinik bergerak dengan pelbagai fokus dan rekod pesakit elektronik sepenuhnya, dengan tahap integrasi sistem yang tinggi. **Arah aliran (Trend)** adalah positif, dengan peningkatan dalam penggunaan teknologi pengajaran, kolaborasi penyelidikan, dan pendekatan klinikal inovatif sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Namun, kadar peningkatan berbeza mengikut bidang, dan terdapat ruang untuk mempercepat proses pengembangan inovasi secara menyeluruh. **Perbandingan / Penanda aras (Comparison/Benchmark)** menunjukkan UiTM telah mencapai kemajuan yang baik dengan pelbagai penandaarasan dibuat diantara universiti tempatan dan antarabangsa yang menjadi peneraju inovasi pergigian. Bidang yang memerlukan penambahbaikan termasuk pengintegrasian teknologi digital ke seluruh kurikulum, peningkatan bilangan hasil penyelidikan berimpak tinggi, dan pelaksanaan sistem rekod pergigian elektronik menyeluruh. **Kepentingan (Importance)** inovasi di fakulti adalah kritikal bagi menghasilkan graduan yang kompetitif, memacu reputasi penyelidikan, memperkukuh kerjasama industri, dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan mulut kepada masyarakat. Inovasi yang diperkukuh akan memastikan fakulti kekal relevan dalam landskap pergigian moden di peringkat nasional dan global. **Kesimpulan Strategik** ialah bagi memastikan inovasi berkembang secara mampan, fakulti perlu melaksanakan strategi yang menyeluruh dan sistematik, termasuk memperluaskan teknologi inovatif ke seluruh pengajaran, mengukuhkan ekosistem penyelidikan berimpak tinggi, dan melaksanakan integrasi penuh teknologi digital dalam perkhidmatan klinikal. Langkah ini akan meletakkan Fakulti Pergigian UiTM sebagai peneraju inovasi pergigian di Malaysia dan rakan setara di peringkat antarabangsa.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0037\\_HB02\\_20251\\_Level.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0037\\_HB03\\_20252\\_Trend.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0037\\_HB04\\_20253\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI: [H2\\_F0037\\_HBU5\\_20254\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Penerbitan, perolehan geran penyelidikan dan pemeteraian MoU/MoA nasional dan antarabangsa.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian UiTM terus mengekalkan momentum positif dalam pencapaian hasil penyelidikan, merangkumi **penerbitan ilmiah, perolehan geran penyelidikan, dan pemeteraian MoU/MoA** di peringkat nasional dan antarabangsa.

**Penerbitan** menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, dengan peningkatan ketara dalam bilangan artikel dalam jurnal berimpak tinggi, jurnal tersenarai QS, serta penerbitan bersama dengan rakan kolaborasi nasional dan antarabangsa. Walaupun pencapaian melebihi sasaran dalam kebanyakan kategori, bilangan penerbitan bersama industri masih boleh dipertingkatkan untuk memperkukuh penglibatan sektor swasta.

**Geran penyelidikan** mencatatkan kemajuan yang baik bagi geran nasional dan industri, dengan jumlah pembiayaan yang melebihi sasaran dalam beberapa kategori. Namun, geran antarabangsa masih berada di tahap minimum tanpa pembiayaan baharu, menunjukkan keperluan kepada strategi penembusan pasaran penyelidikan global yang lebih agresif.

**MoU/MoA** memperlihatkan pencapaian sederhana, dengan beberapa perjanjian baharu di peringkat antarabangsa dan tempatan belum mencapai sasaran. Aktiviti susulan di bawah MoU/MoA antarabangsa juga masih rendah, menuntut perancangan strategik untuk mengaktifkan kerjasama yang telah dipersetujui.

**Perbandingan/ Penanda Aras** menunjukkan UiTM berada di landasan yang setara dengan universiti tempatan lain dalam aspek penerbitan dan geran nasional, namun masih terdapat jurang dalam kolaborasi penyelidikan industri dan capaian geran antarabangsa berimpak tinggi berbanding institusi terkemuka luar negara.

**Kepentingan** pencapaian penyelidikan adalah kritikal bagi meningkatkan reputasi akademik, memperkukuh hubungan strategik dengan industri dan rakan antarabangsa, serta mewujudkan ekosistem penyelidikan yang mampan dan berdaya saing.

**Kesimpulan Strategik** ialah bagi memastikan pertumbuhan berterusan dalam hasil penyelidikan, fakulti perlu:

1. Meningkatkan penglibatan industri dalam penyelidikan bersama dan penerbitan.
2. Memperkasa strategi perolehan geran antarabangsa.
3. Mengoptimumkan pelaksanaan dan susulan MoU/MoA untuk menghasilkan output penyelidikan yang nyata.

Langkah-langkah ini akan meletakkan Fakulti Pergigian UiTM sebagai peneraju penyelidikan pergigian di Malaysia dengan pengaruh yang lebih kukuh di peringkat global.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0037\\_HB02\\_20251\\_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2024 - 11 \(1\).pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0037\\_HB03\\_20252\\_trend\\_geran\\_2021\\_2024.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0037\\_HB04\\_20253\\_F0037\\_S01\\_SB03\\_20255\\_MYRA Section B AWARD\\_RECOGNITION-2024\(verified\).xlsx - B4\(f\)\\_Other Research Awards.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0037\\_HB05\\_20254\\_Kepentingan\\_MoU\\_MoA\\_FPG\\_UiTM \(1\).pdf](#)